



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

*RETORIK TITAH UCAPAN SULTAN MUHAMMAD V*

NURULAIN BINTI ABDUL RAZAK

FBMK 2015 25



**RETORIK TITAH UCAPAN SULTAN MUHAMMAD V**

Oleh  
**NURULAIN BINTI ABDUL RAZAK**



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

September 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

*Khas buat,*

*Cinta hatiku Ayahanda dan bonda*

*Abdul Razak bin Harun dan Wan Anisah binti Wan Isa*

*Sesungguhnya pencapaianku ke tahap ini berkat doa dan restumu*

*Buat kekanda-kekanda tersayang,*

*Nurulhuda, Nurul Asyikin, Muhammad Faiz*

*Terima kasih atas sokongan dan dorongan*

*Semoga kalian dalam lindungan rahmat kasihNya*

*Buat sahabat seperjuangan,*

*Terima kasih atas segala bantuan dan tunjuk ajar*

*Semoga jasa kalian semua diberkati Allah S.W.T.*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

## **RETORIK TITAH UCAPAN SULTAN MUHAMMAD V**

Oleh

**NURULAIN BINTI ABDUL RAZAK**

**September 2015**

**Pengerusi : Profesor Madya Che Ibrahim bin Salleh, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini merupakan penelitian aspek retorik dalam titah ucapan Sultan Kelantan, iaitu KDYMM Sultan Muhammad V. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemanfaatan teknik retorik dalam teks rasmi diraja, meneliti dan menganalisis aspek penggunaan kosa kata, kekuatan dan keberkesanannya seni pengucapan, dan seterusnya mensintesis penyampaian mesej dalam empat ucapan rasmi. Kajian ini menggunakan dua kaedah kajian, iaitu secara kuantitatif dan secara kualitatif berlandaskan tiga prinsip yang terdapat dalam teori retorik moden Enos dan Brown (1993). Prinsip ini memberi penekanan terhadap kesan mendalam, estetika dalam pemilihan daksi yang mempunyai kehalusan makna, dan keupayaan pemahaman dan penginterpretasian ungkapan retorik yang digunakan. Sebanyak 332 ayat telah dicerakinkan daripada empat teks ucapan, di samping 28 jenis teknik retorik yang telah dikenal pasti dengan ditandai ungkapan tertentu berdasarkan kategori Lakuan Bahasa. Didapati bahawa terdapat juga sesetengah teknik retorik adalah lebih kerap wujud dalam pengucapan rasmi tertentu. Beberapa elemen retorik lain juga dapat dikenal pasti penggunaannya seperti aliterasi, polisindeton, repetisi, soalan retorik, metafora, simile, alusi, dan hiperbola. Dari segi struktur retorik pula, Baginda Sultan didapati menggunakan struktur secara deskriptif, eksposisi dan ekspresi dalam pengucapan. Elemen dan struktur retorik yang digunakan dalam pengucapan ini mampu memberi kesan terhadap kefahaman khalayak pendengar.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts.

**THE RHETORIC OF SPEECHES SULTAN MUHAMMAD V**

By

**NURULAIN BINTI ABDUL RAZAK**

**September 2015**

**Chairman : Associate Professor Che Ibrahim bin Salleh, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study focuses on the rhetoric of the speeches of Royal Highness Sultan Muhammad V of the state of Kelantan. The objectives of the study are threefold, viz. to identify the rhetoric techniques utilised by His Royal Highness, the vigour and effectiveness of his speech and finally to analyse the messages embedded in his four official addresses, selected as the data of this study. The study uses both the qualitative and quantitative approaches, based on the three principles of modern rhetoric developed by Enos and Brown (1993). The three principles are the deep impact factor, the aesthetic value in the diction selection pertaining to the subtleties in meaning, and the understanding capacity in the rhetoric expression used. A total of 332 sentences were analysed taken from four texts of the His Highness's official speech. There are 28 rhetoric technique types that have been identified based on Speech Act categorization. It is also found that there are certain rhetoric techniques that are more in use than others. Some of the techniques used were alliteration, polysyndeton, repetition, rhetorical question, metaphor, simile, allusion, and hyperbola. In terms of rhetorical structure it was found that His Royal Highness utilized the descriptive, exposition and expression forms. Such elements and rhetorical structures used were able to give strong effect on the listener's comprehension.

## PENGHARGAAN

*Bismillaahirrahmaanirrahiim*, dengan menyebut nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang. Segala puji hanya milik Allah subhanahu Wa Ta’ala yang selalu merahmati perjuangan kaum muslimin.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama Profesor Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh, dan tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih ini kepada Profesor Emeritus Dr. Hashim bin Musa selaku penyelia bersama. Sesungguhnya tanpa bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar kalian saya tidak akan berada di tahap ini. Insya Allah segala jasa dan budi kalian akan tetap saya kenang sampai bila-bila. Semoga Allah akan membalas segala kebaikan kalian kepada saya.

Rasa penghargaan ini juga ingin saya tujuhkan kepada seluruh tenaga pengajar yang terlibat dengan program Master Bahasa Melayu serta seluruh kakitangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia di kampus Serdang, atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Seterusnya ucapan penghargaan ini dipanjangkan kepada Encik Baharin bin Ilias selaku Pegawai Adat di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang banyak membantu dalam menyumbangkan bahan kajian untuk dianalisis.

Buat ayahanda dan bonda tercinta Tuan Haji Abdul Razak bin Harun dan Puan Hajjah Wan Anisah binti Wan Isa, doa dan sokongan kalian menjadi pemangkin semangat untuk anakanda menyiapkan kajian ini sehingga ke penghujungnya. Semoga Allah SWT memanjangkan usia ayah bonda agar dapat melihat lebih banyak lagi kejayaan anakanda. Hanya Allah yang mampu membalas segala kasih sayang yang ayah bonda berikan.

Sekalung terima kasih juga buat kekanda-kekanda yang dikasihi yang turut memberikan sokongan untuk adinda meneruskan perjuangan ini. Kepada seluruh ahli keluarga dan sahabat handai yang banyak membantu dari jauh, anda semua akan dikenang selagi hayat dikandung badan.

Terima kasih semua dan hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala kebaikan yang kalian zahirkan.

Akhir kata, segala kritikan dan saranan yang membina amat diperlukan sebagai langkah untuk saya membaiki segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam kajian ini.

Nurulain Abdul Razak

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Hashim bin Musa, PhD**

Profesor Emeritus

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nurulain binti Abdul Razak (GS 34350)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Emeritus Dr. Hashim bin Musa

## JADUAL KANDUNGAN

|  | Halaman |
|--|---------|
| <b>ABSTRAK</b>                         | i       |
| <b>ABSTRACT</b>                        | ii      |
| <b>PENGHARGAAN</b>                     | iii     |
| <b>PENGESAHAN</b>                      | iv      |
| <b>PERAKUAN</b>                        | vi      |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                  | xi      |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                   | xii     |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>               | xiii    |
| <br><b>BAB</b>                         |         |
| <b>1 PENDAHULUAN</b>                   | 1       |
| 1.1 Latar Belakang Kajian              | 1       |
| 1.2 Pernyataan Masalah                 | 3       |
| 1.3 Persoalan Kajian                   | 4       |
| 1.4 Objektif Kajian                    | 4       |
| 1.5 Batasan Kajian                     | 5       |
| 1.6 Kepentingan Kajian                 | 6       |
| 1.7 Definisi Operasional               | 6       |
| <b>2 SOROTAN LITERATUR</b>             | 9       |
| 2.1 Pengenalan                         | 9       |
| 2.2 Pengkaji Retorik                   | 9       |
| 2.3 Pengkaji Bahasa Istana Kelantan    | 14      |
| 2.4 Perkaitan Kajian                   | 14      |
| <b>3 METODOLOGI</b>                    | 16      |
| 3.1 Pengenalan                         | 16      |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                 |         |
| 3.2.1 Kajian Kepustakaan               | 16      |
| 3.2.2 Kerangka Teori                   | 16      |
| 3.2.3 Kerangka Konseptual              | 19      |
| 3.2.4 Pewajaran Data Kajian            | 20      |
| 3.3 Kaedah Kajian                      | 21      |
| 3.4 Alat Kajian                        | 22      |
| 3.5 Penganalisisan Data                | 22      |
| 3.6 Kesimpulan                         | 23      |
| <b>4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>      | 24      |
| 4.1 Pengenalan                         | 24      |
| 4.2 Teknik retorik                     | 24      |
| 4.2.1 Teknik Pernyataan Maklumat [TPM] | 30      |
| 4.2.2 Teknik Kesopanan [TKS]           | 34      |
| 4.2.3 Teknik Pernyataan Perasaan [TPP] | 35      |
| 4.2.4 Teknik Permintaan Tindakan [TPT] | 39      |
| 4.2.5 Teknik Pengukuhan [TPK]          | 39      |
| 4.2.6 Teknik Didaktik [TD]             | 41      |

|  |    |
|--|----|
| 4.2.7 Teknik Kepastian [TKP]   | 41 |
| 4.2.8 Teknik Permintaan Maklumat [TPMK]                                    | 42 |
| 4.2.9 Teknik Penerangan [TPN]  | 43 |
| 4.2.10 Teknik Penyataan Tolak Ansur [TPT/A]                                | 45 |
| 4.2.11 Teknik Perundingan [TPD]  | 46 |
| 4.2.12 Teknik Penafian [TPF]   | 46 |
| 4.3 Kesimpulan   | 47 |
| 4.4 Penggunaan Kosa Kata, Struktur Retorik dan Pemikiran                   | 48 |
| 4.4.1 Elemen Retorik   | 49 |
| 4.4.1.1 Aliterasi  | 49 |
| 4.4.1.2 Polisindeton   | 50 |
| 4.4.1.3 Repetisi   | 51 |
| 4.4.1.4 Soalan Retorik   | 51 |
| 4.4.1.5 Metafora   | 52 |
| 4.4.1.6 Simile   | 53 |
| 4.4.1.7 Alusi  | 53 |
| 4.4.1.8 Kosa Kata Asing  | 54 |
| 4.4.2. Struktur Retorik  | 57 |
| 4.4.2.1 Prinsip Pemerian (deskriptif)                                      | 57 |
| 4.4.2.2 Prinsip Pendedahan (eksposisi)                                     | 63 |
| 4.4.2.3 Prinsip Pelahiran Maksud (Ekspresi)                                | 65 |
| 4.4.3 Pemikiran KDYMM Sultan Muhammad V                                    | 67 |
| 4.4.3.1 Proses Perkembangan Ekonomi Negeri                                 | 68 |
| 4.4.3.2 Pemikiran dalam Bidang Pertanian                                   | 69 |
| 4.4.3.3 Pemikiran dalam Isu Pelancongan                                    | 70 |
| 4.4.3.4 Pemikiran dalam Isu Infrastruktur                                  | 72 |
| 4.4.3.5 Pemikiran dalam Isu Pendidikan                                     | 73 |
| 4.4.3.6 Pemikiran dalam Isu Kesukanan                                      | 74 |
| 4.4.3.7 Pemikiran dalam Isu Kesihatan                                      | 75 |
| 4.4.3.8 Pemikiran dalam Isu Perpaduan                                      | 75 |
| 4.5 Sintesis Penyampaian dan Mesej Ucapan                                  | 77 |
| 4.5.1 Sintesis Titah Ucapan Perasmian Majlis Perhimpunan Perpaduan Melayu. | 77 |
| 4.5.2 Sintesis Titah Ucapan Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan.      | 78 |
| 4.5.2.1 Konsep Faqihan   | 79 |
| 4.5.2.2 Konsep Aminan  | 80 |
| 4.5.2.3 Konsep Rahiman   | 81 |
| 4.5.2.4 Konsep Ilman   | 83 |
| 4.5.2.5 Konsep Salaman   | 83 |
| 4.6 Kesimpulan   | 85 |
| <b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>  | 88 |
| 5.1 Pengenalan   | 88 |
| 5.2 Rumusan  | 88 |
| 5.3 Cadangan   | 90 |
| 5.3.1 Cadangan Kajian Selanjutnya  | 90 |

|                        |     |
|------------------------|-----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b>     | 92  |
| <b>LAMPIRAN</b>        | 99  |
| <b>BIODATA PELAJAR</b> | 143 |



## **SENARAI JADUAL**

| <b>Jadual</b> |  | <b>Muka Surat</b> |
|---------------|--|-------------------|
| 4.1           | Teknik Retorik disertai Penanda  | 25                |
| 4.2           | Jumlah Pemanfaatan Teknik Retorik mengikut<br>Teks Ucapan                | 27                |
| 4.3           | Peratusan Kekerapan Pemanfaatan Teknik Retorik                           | 28                |
| 4.4           | Kekerapan Pemanfaatan Teknik Pernyataan<br>Maklumat mengikut Subgolongan | 30                |
| 4.5           | Kekerapan Pemanfaatan Teknik Pernyataan<br>Perasaan mengikut Subgolongan | 35                |
| 4.6           | Kekerapan Pemanfaatan Teknik Penerangan<br>mengikut Subgolongan          | 43                |

## **SENARAI RAJAH**

| <b>Rajah</b>  | <b>Muka Surat</b> |
|---|-------------------|
| 3.1 Kerangka Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)                         | 17                |
| 3.2 Kerangka Konsep berdasarkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)      | 19                |
| 4.1 Peratusan Kekerapan Pemanfaatan Teknik Retorik                                  | 29                |
| 4.2 Peratusan Kekerapan Pemanfaatan Teknik Pernyataan Maklumat mengikut Subgolongan | 30                |
| 4.3 Peratusan Kekerapan Pemanfaatan Teknik Pernyataan Perasaan mengikut Subgolongan | 35                |
| 4.4 Peratusan Kekerapan Pemanfaatan Teknik Penerangan mengikut Subgolongan          | 43                |
| 4.4.1 Pelan Transformasi Ummah  | 79                |

## **SENARAI SINGKATAN**

KDYMM  
MAIK

Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

### **Teknik Retorik**

|            |   |
|------------|---|
| TKS        | Teknik Kesopanan                                    |
| TKP        | Teknik Kepastian                                    |
| TPP        | Teknik Pernyataan Perasaan                          |
| TPP (gm)   | Teknik Pernyataan Perasaan (kegembiraan)            |
| TPP(gm-ks) | Teknik Pernyataan Perasaan (kegembiraan-kesyukuran) |
| TPP(gm-pj) | Teknik Pernyataan Perasaan (kegembiraan-pujian)     |
| TPP(c)     | Teknik Pernyataan Perasaan (kecewa)                 |
| TPP(h)     | Teknik Pernyataan Perasaan (harapan)                |
| TPP(k/s)   | Teknik Pernyataan Perasaan (ketidaksenangan)        |
| TPM        | Teknik Pernyataan Maklumat                          |
| TPM(c)     | Teknik Pernyataan Maklumat (contoh)                 |
| TPM(l)     | Teknik Pernyataan Maklumat (lama)                   |
| TPM(t)     | Teknik Pernyataan Maklumat (tambahan)               |
| TPM (t-t)  | Teknik Pernyataan Maklumat (tokok-tambah)           |
| TPM(t-km)  | Teknik Pernyataan Maklumat (tambahan-konteks masa)  |
| TPM(t-pk)  | Teknik Pernyataan Maklumat (tambahan-perkaitan)     |
| TD         | Teknik Didaktik                                     |
| TD(l)      | Teknik Didaktik (larangan)                          |
| TD(n)      | Teknik Didaktik (nasihat)                           |
| TD(s)      | Teknik Didaktik (seruan)                            |
| TPK        | Teknik Pengukuhan                                   |
| TPK(s)     | Teknik Pengukuhan (sumber)                          |
| TPK(m)     | Teknik Pengukuhan (maklumat)                        |
| TPT        | Teknik Permintaan Tindakan                          |
| TPT/A      | Teknik Permintaan Tolak Ansur                       |
| TPMK       | Teknik Permintaan Maklumat                          |
| TPD        | Teknik Perundingan                                  |
| TPF        | Teknik Penafian                                     |
| TPN        | Teknik Penerangan                                   |
| TPN(ku)    | Teknik Penerangan (kenyataan umum)                  |
| TPN(s)     | Teknik Penerangan (sebab musabab)                   |
| TPN(pjl)   | Teknik Penerangan (penjelasan)                      |
| TPN(tj)    | Teknik Penerangan (tujuan)                          |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam pengucapan, bahasa digunakan untuk menyampaikan idea dan mesej. Melalui bahasa yang digunakan, pendengar dan penerima dapat mentafsir makna yang ingin disampaikan. Penggunaan bahasa dalam ucapan juga berbeza berdasarkan konteks ucapan itu disampaikan. Ucapan rasmi terutamanya akan disampaikan mengikut majlis dan upacara tertentu, berdasarkan kepentingan situasi dan khalayak pendengar yang menerima sesuatu mesej tersebut.

Ucapan agak berbeza daripada pidato dan syarahan dari segi penyampaian, penglibatan dan majlis. Ucapan boleh ditakrifkan sebagai ungkapan atau keupayaan untuk meluahkan pemikiran dan perasaan dengan suara yang jelas. Secara umumnya, ucapan ialah susunan kata yang diucapkan melalui penglahiran idea, intonasi suara tertentu, pergerakan fizikal secara lisan untuk merangsang dan mempengaruhi pemikiran serta perasaan pendengar. Melalui ucapan, pengucap seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas, terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan idea utama yang diucapkan.

Menurut Henry Guntur Tarigan (1981:15); ucapan merupakan suatu bahagian yang secara keseluruhannya menunjukkan keperibadian, mencerminkan lingkungan seorang pengucap, keadaan hubungan sosial dan tahap pendidikannya. Aspek lain, seperti cara pemakaian bersifat eksternal tetapi cara ucapan perlu bersifat inheren ialah suatu pembawaan yang baik. Mulgrave (1954: 3) pula mengatakan bahawa pengucapan ialah suatu alat untuk menyampaikan idea yang disusun serta dikembangkan sesuai dengan keperluan dan merupakan alat yang mendedahkan khalayak pendengar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung; apakah pengucap memahami atau tidak perkara yang disampaikannya, adakah pengucap bersikap tenang serta dapat menyesuaikan diri atau tidak pada saat menyampaikan ideanya, apakah pengucap berwaspada serta bersemangat ataupun tidak.

Ucapan boleh dijelaskan sebagai satu proses komunikasi sehalia yang disampaikan oleh seseorang individu secara lisan kepada pendengar. Ucapan ialah apa yang dilafazkan termasuklah perkataan yang dilafazkan itu. Ucapan boleh dikelaskan berdasarkan tujuan seperti memberi maklumat, menghibur, dan memujuk. (Kamus Dewan; 2005 : 1755). Melalui ucapan, manusia dapat memilih apa sahaja cara untuk digunakan untuk mewakili apa yang terbentuk dalam pemikiran pengucap agar difahami oleh pendengar yang menjadi sasaran mesej yang disampaikan.

Menurut Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, dan Mohd Isha Awang (2003:21), Watson dan Hill (1997) juga pernah menjelaskan bahawa proses komunikasi berlaku setelah mesej dibentuk oleh pengucap melalui idea yang telah diterjemahkan ke dalam bentuk signal dalam bentuk perkataan atau lambang dan diantar melalui saluran kepada khalayak pendengar. Dengan ini, khalayak pendengar menerima dan menterjemahkan mesej tersebut dan mengembalikan signal tersebut dengan cara tertentu yang memperkenan mesej yang disampaikan itu difahami atau tidak.

Kajian teks ucapan diraja merupakan titah ucapan yang diucapkan oleh Sultan atau Raja dalam majlis rasmi yang dihadiri baginda. Terdapat sedikit perbezaan antara

ucapan rasmi dengan ucapan tidak rasmi. Ucapan rasmi disampaikan dalam majlis tertentu yang rasmi dan hanya dihadiri oleh orang kenamaan dan orang yang menyampaikan ucapan juga terdiri daripada orang kenamaan. Ucapan rasmi merupakan komunikasi sehalal, teks yang digunakan oleh penyampai juga telah dirancang dan akan digunakan sepenuhnya. Hal ini berbeza dengan ucapan tidak rasmi yang merupakan komunikasi dua hala (interaksi antara pengucap dengan pendengar), disampaikan secara bebas tanpa terikat dengan sebarang prosedur, penggunaan bahasa yang bersahaja, ringkas, dan terus kepada maksud penyampaian. Justeru itu, kajian teks rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V ini menggunakan bahasa halus yang tersendiri, penggunaan gelaran kehormat, susun atur bahasa yang difahami serta teknik retorik tertentu untuk memastikan bahawa ucapan itu memberi kesan kepada pendengar.

Aspek retorik akan digunakan dan amat sesuai untuk menganalisis ucapan Baginda Al-Sultan Kelantan KDYMM Sultan Muhammad V. Retorik sebagai satu cabang dialektik telah membuktikan keupayaan seseorang menyampaikan ucapan dengan cara mempengaruhi khalayak pendengar dengan penggunaan retoriknya yang berkesan. Kata retorik diambil daripada bahasa *Greek*, iaitu *rhētōr* yang membawa maksud seni berbicara dalam pengucapan dan dikaitkan dengan satu disiplin dalam kemahiran berucap di hadapan khalayak pendengar (Crowley S. et al, 1999). Retorik meliputi hampir kesemua bidang wacana manusia yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penceramah atau penulis yang cuba untuk memberitahu, memujuk, atau memberi motivasi kepada pendengar tertentu dalam keadaan tertentu.

Asmah Haji Omar (2007:163) mendefinisikan retorik sebagai keupayaan menggunakan bahasa secara berkesan, atau juga ciri yang berkesan dalam bahasa. Keberkesanan sesuatu yang dibicarakan bergantung pada bahasa yang dituturkan sama ada difahami maksudnya atau sebaliknya. Manakala, tahap memahami sesuatu bahasa yang digunakan mencapai keberkesanan bergantung pada keupayaan seseorang individu itu menggunakan ciri yang ada dalam sesuatu bahasa tersebut. Dori Wuwur Hendrikus (1991:14) mengatakan;

Retorik bererti pada tempat yang tepat, pada waktu yang tepat, atas cara yang lebih efektif mengucapkan kata-kata yang tepat, benar dan mengesankan. Itu bererti orang harus dapat berbicara jelas, singkat dan efektif. Jelas supaya mudah dimengerti singkat untuk menghemat waktu dan sebagai tanda kepintaran.

Retorik ialah seni berbicara yang bererti mengucapkan kata atau kalimat kepada seseorang atau sekumpulan manusia untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu. Berbicara ialah salah satu kemampuan yang dimiliki khusus oleh manusia. Bahasa dan pembicaraan itu muncul ketika manusia mengungkapkan dan menyampaikan fikirannya kepada manusia lain yang menjadi khalayak.

Lanham (1991), pernah mengatakan bahawa retorik sebagai seni untuk mendapatkan keyakinan seseorang melalui wacana bahasa. Bidang retorik akan menyentuh hal yang berkaitan dengan cara untuk menyampaikan dan menghuraikan pendapat, idea, saranan dan mesej semasa mempersempahkan pemikiran atau perasaannya dengan jelas melalui gaya yang berkesan.

Bagi Laurens (1981) pula, retorik ialah suatu kajian yang membahaskan pidato atau ucapan itu sebagai satu kesatuan linguistik yang melibatkan konteks keadaan pidato atau ucapan itu disampaikan, konteks pendengar yang menerima mesej ucapan, dan tujuan pidato atau ucapan itu disampaikan. Retorik dalam pengucapan menunjukkan keupayaan seseorang untuk menyampaikan sesuatu mesej atau maklumat kepada seseorang yang lain sama ada secara tersurat maupun tersirat.

Oleh itu, retorik dapat diertikan sebagai seni berbicara dengan baik yang dapat dicapai berdasarkan bakat dan kemahiran teknikal yang ada pada diri seseorang pengucap itu. Retorik pada asalnya merupakan seni berucap untuk mempengaruhi pemikiran khalayak pendengar. Kesenian dalam penggunaan bahasa ketika berucap bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud atau tujuan dengan lebih berkesan. Seorang pengucap akan menggunakan jenis bahasa yang lebih berseni, halus dan formal jika dibandingkan dengan penggunaan bahasa yang digunakan semasa proses perbualan sehari-harian.

Secara umumnya, kemahiran retorik dalam pengucapan melibatkan penguasaan tatabahasa, penggunaan ragam bahasa, penyampaian pemikiran secara teratur dan sistematik, dan penguasaan corak dan bentuk penulisan. Teknik penggunaan bahasa retorik sama ada dalam bentuk lisan maupun tulisan yang mengandungi aspek tatabahasa yang betul dan penggunaan bahasa yang baik dalam pengucapan dapat mempengaruhi dan menarik pemikiran khalayak pendengar.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian tentang retorik banyak dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Bidang retorik ini penting dalam penganalisisan teks ucapan untuk memberi manfaat serta keberkesanan pengucapan kepada para pendengar. Dalam pengucapan diraja, bahasa istana dan bahasa biasa akan digunakan oleh KDYMM Sultan Muhammad V untuk memastikan bahawa maklumat yang disampaikan difahami dengan baik. Pengucapan diraja kebanyakannya didengari oleh golongan tertentu seperti kerabat diraja, orang kenamaan, Ahli Yang Berhormat, dan sebagainya. Atas sebab faktor ini berkemungkinan besar masih banyak rakyat yang tidak menerima secara terus tentang maklumat yang disampaikan oleh KDYMM Baginda Sultan. Pendedahan dan kefahaman, serta informasi terhadap isu berkaitan negeri tidak dapat didengari dan dihayati oleh rakyat biasa dan golongan marhaen secara keseluruhannya tentang maklumat dan perkembangan negeri Kelantan.

Berdasarkan kajian retorik teks ucapan sebelum ini yang lebih banyak tertumpu kepada teks ucapan politik, pelbagai pengelasan subgolongan teknik retorik telah dinyatakan oleh beberapa pengkaji. Misalnya oleh Ai Chat (2001) yang meneliti teknik retorik dalam teks ucapan politik yang lebih kepada penyampaian maklumat politik dan meraih sokongan khalayak pendengar. Manakala Zoriati (2005) pula hanya meneliti retorik pemujukan dan jenis retorik pemujukan serta elemen pemujukan dalam bidang politik. Seterusnya, Abdul Mua'ti @ Zamri (2007) menganalisis struktur retorik dalam ucapan politik Presiden UMNO berdasarkan 9 teknik retorik oleh Cook (1989). Kajian mereka ini telah memperjelas teknik retorik yang kebiasaannya digunakan dalam pengucapan politik seperti teknik pemujukan, teknik pernyataan maklumat, teknik menghasut dan pelbagai teknik untuk memperoleh sokongan politik.

Namun begitu, kajian teks titah ucapan diraja Kelantan mempunyai kelainan yang ditandai dalam ungkapan untuk menentukan teknik retorik yang digunakan. Teknik yang digunakan lebih kepada nasihat, seruan serta galakan, keperihatinan, dan seumpamanya. Pemanfaatan teknik retorik dalam teks ucapan diraja adalah berbeza dengan teks ucapan biasa kerana sifatnya yang lebih formal dan penggunaan ungkapan atau bahasa yang lebih halus dan beradab.

Selain pengkaji teks ucapan politik, terdapat pengkaji yang meneliti teks ucapan diraja seperti Kee Foong (2003). Adapun kajian teks ucapan diraja ini, Kee Foong memfokuskan isu perlumbagaan negeri Brunei dan rancangan Malaysia dengan menggunakan teks titah KDYMM Sultan Omar Ali Saifuddien III sebagai data kajian. Namun begitu, kajian ini hanya meneliti strategi retorik yang digunakan oleh KDYMM Sultan Omar Ali Saifuddien III terhadap isu Perlumbagaan Negeri Brunei dan isu Rancangan Penubuhan Malaysia. Pendedahan terhadap kefahaman bahasa diraja yang digunakan juga tidak disentuh.

Berdasarkan pernyataan itu, maka kajian ini, iaitu retorik dalam pengkajian teks titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V menuntut kita melakukannya kerana sehingga kini belum lagi dilaksanakan. Penggunaan bahasa diraja yang halus dan sopan serta lembut tutur katanya menimbulkan persoalan adakah pengucapan diraja ini mampu memberi kesan dan kefahaman kepada khalayak pendengar. Oleh itu, dalam kajian retorik teks titah ucapan diraja ini, penyelidik akan turut meneliti prinsip dan gaya bahasa diraja yang terdapat dalam pengucapan rasmi baginda. Diharap kajian ini dapat mengisi ruang kekosongan yang terdapat dalam pengkajian retorik ucapan rasmi titah ucapan diraja. Penelitian teknik retorik dan gaya bahasa dalam teks ucapan KDYMM Sultan Muhammad V ini dapat meningkatkan kefahaman rakyat terhadap maksud dan tujuan yang disampaikan oleh baginda.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga (3) persoalan sebagai masalah untuk dibincangkan dalam kajian ini, iaitu;

1. Apakah ungkapan yang digunakan oleh KDYMM Sultan Muhammad V untuk menandai teknik retorik dalam pengucapan rasmi.
2. Bagaimanakah unsur retorik mempengaruhi keberkesanan seni pengucapan rasmi untuk menarik khalayak pendengar.
3. Apakah kepentingan pemahaman dan penghayatan titah ucapan yang disampaikan oleh KDYMM Sultan Muhammad V berdasarkan konteks majlis rasmi.

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan berdasarkan teks titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V dari sudut retorik. Sebagai seorang sultan, pengucapan baginda dianggap penting untuk difahami dan dihayati oleh rakyat jelata. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan tiga (3) objektif berikut ini;

1. Untuk mengenal pasti teknik retorik yang terdapat dalam teks ucapan KDYMM Sultan Muhammad V.
2. Untuk menganalisis aspek penggunaan kosa kata, struktur retorik dan pemikiran dalam pengucapan KDYMM Sultan Muhammad V berdasarkan elemen dan prinsip retorik.

3. Mensintesis penyampaian dan mesej dalam empat ucapan rasmi oleh KDYMM Sultan Muhammad V.

### **1.5 Batasan Kajian**

Dalam kajian ini, perbincangan dibataskan kepada ucapan KDYMM Sultan Muhammad V yang dipilih berdasarkan kepentingan pemahaman dan penghayatannya oleh rakyat jelata. Teks ucapan yang dipilih juga hanya didengari oleh orang kenamaan dan orang tertentu seperti Ahli Dewan Undangan Negeri, pembesar negeri dan para pentadbir sahaja, kecuali ucapan dalam Perhimpunan Perpaduan Melayu yang mengandungi para peserta dengan latar belakang yang lebih merata.

Teks kajian itu terdiri daripada empat (4) buah teks ucapan rasmi KDYMM Sultan Muhammad V pada tahun 2008, 2010, 2012 dan 2014, iaitu:

- 1) Titah Perasmian baginda ketika memegang jawatan Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan di Dewan Merdeka PWTC pada 12 April 2008. Tema ucapan KDYMM baginda mencakupi kedaulatan dan ketuanan Melayu, perpaduan Melayu, Melayu sebagai jiwa penakluk, bertindak untuk bersatu dan cabaran masyarakat majmuk,
- 2) Teks ucapan baginda sempena Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal yang ke-3 Dewan Negeri Kelantan, Yang Ke-12 pada 7 November 2010. Tema ucapan baginda mengandungi beberapa isu utama belanjawan negeri seperti masalah, penyelesaian dan peruntukan dalam beberapa sektor untuk meningkatkan tahap ekonomi negeri Kelantan.
- 3) Teks ucapan baginda dalam Istiadat Pembukaan Penggal ke-5 Dewan Negeri ke-12 pada 1 Mac 2012. Teks ini memaparkan tema berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat jelata dan menuntut Ahli Dewan Undangan Negeri mengambil tindakan dalam menyelesaikan masalah seperti infrastruktur, kesihatan dan pelbagai sektor lain.
- 4) Teks ucapan baginda dalam Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan ke-13 pada 4 Mac 2014. Teks ucapan ini banyak membincangkan masalah dan penyelesaian dalam sektor ekonomi, kesihatan, dan infrastruktur untuk memastikan bahawa kehidupan rakyat jelata terbaik.

Kesimpulannya, tema yang difokuskan oleh empat (4) teks ucapan di atas amat penting difahami dan dihayati bukan sahaja oleh golongan pemimpin dan pentadbir negeri tetapi juga oleh seluruh rakyat Negeri Kelantan khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya. Teks ucapan ini banyak memperkatakan isu berkaitan kepentingan rakyat demi menjaga kemaslahatan semua kaum di Negeri Kelantan.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Ucapan, seperti yang telah ditegaskan, ialah satu proses berkomunikasi antara seseorang pengucap dengan pendengar. Pengucapan melibatkan penghantaran mesej berbentuk lisan dan juga bukan lisan. Pengucapan bukan sahaja menyampaikan mesej

daripada maksud percakapan tetapi juga melalui bahasa badan, penampilan dan tingkah laku serta etika.

Analisis teks ucapan rasmi KDYMM Sultan Muhammad V dalam bidang retorik sesungguhnya belum dilakukan lagi. Maka kajian ini bukan sahaja membantu masyarakat memahami bidang retorik dengan lebih mendalam malah dapat mengesan dan memahami teknik yang efektif dengan penggunaan bahasa yang ekspresif, tepat, persis dengan isi yang bernes, yang dimanfaatkan oleh baginda ketika berucap di hadapan khalayak pendengar. Selain itu juga, kajian ini dapat memperlihatkan keperihatinan, tanggungjawab, keperibadian, dan sifat merendah diri baginda terhadap rakyat jelata melalui gambaran kata-kata yang diucapkan oleh Baginda Sultan. Pengkaji akan menganalisis setiap bait tutur bicara KDYMM Baginda Sultan Kelantan dalam empat (4) teks yang dipilih itu.

Kajian tentang retorik pengucapan yang memberi fokus kepada titah ucapan rasmi Baginda Sultan Kelantan perlu dilakukan kerana sehingga hari ini tidak ada kajian dalam bidang ini yang dilakukan dalam Malaysia. Sebagai rakyat yang taat setia kepada sultan, dalam negeri Kelantan khususnya, luar negeri Kelantan umumnya perlu memahami maksud titah ucapan baginda semasa mendengar ucapan yang disampaikan oleh Baginda Sultan. Amanat yang disampaikan oleh Baginda Sultan lebih kepada menasihati, merangsang dan bersifat galakan untuk melahirkan pemimpin dan masyarakat yang lebih baik pada masa akan datang.

Selain itu, hasil kajian ini dengan melampirkan teks ucapan Baginda Sultan sebagai dokumen rasmi yang penting, mendatangkan manfaat kepada seluruh rakyat jelata yang meliputi pelbagai lapisan masyarakat termasuk para pelajar, warga pendidik, para pentadbir, dan sebagainya.

## 1.7 Definisi Operasional

### Retorik

Retorik merupakan studi tentang penggunaan bahasa yang tepat dan hemat. Terdapat empat (4) definisi yang berkaitan dengan retorik iaitu, pertama kajian teknik penggunaan bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan. Kedua, seni menggunakan atau memakai bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar, seni berpidato. Definisi yang ketiga, pertuturan atau tulisan yang menggunakan bahasa atau kata yang indah atau muluk-muluk untuk mempengaruhi pemikiran pendengar, definisi keempat yang dinyatakan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1326) tentang retorik ialah, berkaitan dengan, penuh dengan atau menggunakan bahasa atau kata-kata yang indah atau muluk-muluk untuk mempengaruhi pemikiran pendengar.

Menurut Siti Saniah (2009:2), Leech (1993) mengatakan bahawa retorik ialah kajian tentang penggunaan bahasa yang berkesan dalam komunikasi. Penggunaan bahasa secara berkesan mampu menarik perhatian dengan menggunakan ciri, strategi dan teknik komunikasi yang berkesan dalam konteks yang sesuai sama ada secara lisan ataupun bertulis. Oleh hal yang demikian, penutur perlu mementingkan situasi tuturan yang peka matlamat dan berupaya menggunakan bahasa dengan baik untuk menghasilkan kesan tertentu pada fikiran pendengar.

Asmah (2007:163) mendefinisikan retorik sebagai keupayaan menggunakan bahasa secara berkesan, atau juga ciri yang berkesan dalam bahasa. Keberkesanannya sesuatu yang dibicarakan bergantung pada bahasa yang digunakan sama ada maklumat yang disampaikan diterima oleh pendengar atau pun tidak.

Berdasarkan konteks kajian ini, retorik dapat disimpulkan sebagai cabang kajian bahasa dalam pengucapan yang dapat memberikan kefahaman maksimum kepada para pendengar dengan penggunaan teknik retorik tertentu. Penggunaan diksi dan laras bahasa dalam pengucapan diraja yang mempunyai perbezaan dengan bahasa biasa dapat dimengertikan dengan keberkesanannya aspek retorik yang diterapkan.

### **Wacana Ucapan**

Secara umumnya, ucapan memberikan maksud kata yang mendukung sesuatu idea atau mesej yang ingin disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Kamus Dewan (2005:1423), mentakrifkan ucapan sebagai apa yang diucapkan atau apa yang dituturkan. Ia juga membawa pengertian syarahan atau pidato.

Kridalaksana (1984) mengatakan bahawa wacana lisan atau *spoken discourse* ialah wacana yang disampaikan secara lisan dan melalui media lisan. Sebagai khalayak pendengar, wacana lisan perlu diterima, difahami dan dinikmati semasa diperdengarkan ungkapan secara lisan tersebut.

Kinneavy (1980) mengatakan bahawa wacana merangkumi keseluruhan teks dan tidak terhad kepada bentuk yang dilahirkan melalui teks sahaja. Malah, wacana boleh terdiri daripada sebahagian atau keseluruhan idea daripada lisan atau tulisan. Hal ini jelas bahawa wacana mencakupi pengucapan dalam khalayak seperti pidato, syarahan, penulisan, dan sebagainya.

Kesimpulannya, wacana ucapan ialah satuan lengkap dalam pengucapan yang disampaikan oleh seseorang dengan memperlihatkan kesenian dalam penggunaan bahasa dengan tujuan untuk menyampaikan idea atau maklumat dengan lebih berkesan.

### **Bahasa Diraja**

Bahasa diraja atau bahasa istana ialah bahasa yang mempunyai ciri khusus yang menandakan perbezaannya dengan bahasa bukan diraja (Asmah, 1985: 1). Menurutnya lagi, bahasa istana atau bahasa diraja ialah bahasa yang digunakan oleh raja dan penutur semasa berkomunikasi baik antara raja dengan keluarga diraja mahupun antara raja dengan rakyat (Asmah, 2004 : 1).

Menurut Zulkeflee (2009:2), bahasa istana yang digunakan mempunyai ciri khusus sama ada melalui penggunaan ungkapan, kosa kata, nahu ataupun cara penyebutan ungkapan. Dengan itu, wujud penanda yang membezakan dengan bahasa orang biasa, sehubungan itu tiada halangan penggunaan bahasa diraja ini digunakan semasa berlakunya komunikasi dengan kerabat diraja. Amat Juhari (1989: 43) mengatakan, kelainan sosial seperti sistem sapaan, pemilihan kalimat atau ungkapan, nahu dan penyebutan ini menjadi simbol dan gaya bahasa istana yang dipakai oleh kerabat diraja sama ada dalam situasi rasmi atau tidak.

Bahasa istana digunakan dalam pertuturan formal iaitu tidak bersahaja, baik dalam upacara rasmi mahupun dalam hubungan sosial. Walaupun hanya terdapat sedikit

perbezaan antara bahasa istana dengan bahasa biasa, namun penggunaanya dianggap dapat memperlihatkan kesantunan dan kehalusan dalam ketika berkomunikasi. Ucapan diraja yang berlatarbelakangkan keadaan dan situasi rasmi akan menerapkan penggunaan bahasa halus yang memerlukan pengamatan pendengar untuk memahami titah yang disampaikan.



## BIBLIOGRAFI

- Ab. Rahman Ab. Rashid, Wan Som Mamat. (1995). *Bahasa Melayu Bahasa dalam Komunikasi dan Proses Komunikasi*. Shah Alam: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Kadir bin Muhammad. (2012). Faqihan (Faham Agama): Kepentingan dan Peranan dalam Masyarakat Bertakwa. *Jurnal Keputeraan*. Jil 1 21-67. Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK).
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2000). *Panduan Pengucapan Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Razak Karim. (2000). "Kesopanan Berbahasa dalam Warkah Melayu Lama", *Jurnal Dewan Bahasa*, 44: 12 hlm 1306-1316.
- Abdul Razak Mahmud. (2005). *Iktisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Isha Awang. (2003). *Bahasa Melayu Komunikasi*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif. (1998). *Tanya-jawab dalam novel 'Salina' karangan A. Samad Said: Satu Kajian berdasarkan teori lakuhan pertuturan (Interrogatives in the novel 'Salina' by A. Samad Said: An analysis base on speech act theory)*. (Unpublished doctoral dissertation). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Najib bin Abdullah. (2012). Aminan: Kepentingan dan Peranannya dalam Masyarakat Bertakwa. *Jurnal Keputeraan*. Jil 1 67-102. Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK).
- Ai Chat, Lee. (2001). *Analisis Teks Ucapan Politik Bahasa Melayu dari Segi Retorik; Satu Kajian Kes Terhadap Ucapan Politik Dr. Mahathir Mohamad*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Aini Jaafar (2006). "Islam Dan Modal Insan." Yayasan Dakwah Islamiah. Diperoleh semula pada 4 Oktober 2006 daripada <http://www.yadim.com.my/Sosial/SosialFull.asp?SosialID=320>
- Allan, K. (1998a). Indirect speech acts: Inferring the illocutionary point. In *Concise Encyclopaedia of Pragmatics* (Mey, J. L., ed.). Amsterdam: Elsevier.
- Allan, K. (1998b). Speech act classification and definition. In *Concise Encyclopaedia of Pragmatics* (Mey, J. L., ed.). Amsterdam: Elsevier.
- Allan, K. (1998c). Speech act theory: An Overview. In *Concise Encyclopaedia of Pragmatics* (Mey, J. L., ed.). Amsterdam: Elsevier.
- Aly, Bower dan Aly, Lucile Folse. (1973). *A Rhetoric of Public Speaking*. New York: Mc Graw-Hill.

- Amat Johari Moain. (1989). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu : Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aristotle. (1959). *The art of rhetoric*. Terj. John Henry Freese. London: William Heinemann Ltd.
- Aristotle (trans. W. Rhys Roberts). (1984). *The Rhetoric and the Poetics of Aristotle*. New York: The Modern Library.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Pengajaran Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Bahasa Diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1998). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Bahasa Diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2006). *Panduan Wacana Akademik: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Kaedah Nahu: Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1986). *Adat Sopan dan Budi Bahasa*. Occasional Papers, Sintok: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia, no. 1, 1986.
- Awang Sariyan. (1992). *Asas Penulisan Deskriptif*. Kuala Lumpur: Menara Ilmu.
- Awang Sariyan. (2004). *Tertib Mengarang Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2006). *Retorik sebagai alat berbahasa*. Pelita Bahasa Januari: 8-12.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M.Simim. (1993). *Sintaksis Wacana “Yang” dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman. (1991). “Kota Bharu Kota Budaya (Kelantan dalam Perspektif Sosiobudaya)”, *Dewan Budaya* 13: 9 hlm 45-49.


- Aziz Deraman. (2005a). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman. (2005b). *Intelektualisme Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihammi Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Beebe, Steven A dan Beebe, Susan. (2003). *Public Speaking: An Audience-Centered Approach*. Boston: Allyn and Bacon.
- Brummett, Barry. (2000). *Reading Rhetorical Theory*. Amerika Syarikat: Harcourt College Publishers.
- Buku Khas Perayaan Keputeraan KDYMM Tuanku Al-Sultan Kelantan ke-49*. (1999). Kota Bharu.
- Buku Khas Perayaan Keputeraan KDYMM Tuanku Al-Sultan Kelantan ke-55*. (2005). Kota Bharu.
- Buku Tuanku Payung Rakyat*. (1992). Kota Bharu.
- Cook, Jeff Scott. (1989). *The Elements of Speechwriting and Public Speaking*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Cutting, J. (2002). *Pragmatics and Discourse: A Resourceful Book for Students*. London: Routledge.
- Darwis Harahap. (2005). *Pembicaraan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dowis, Richard. (2000). *The Lost Art of the Great Speech*. New York: American Management Association Publications.
- Enos T, Brown S. C. (1993). *Defining The New Rhetoric*. New York: Sage Language Society.
- Grice, George L. dan Skinner, John F. (2001). *Mastering Public Speaking, 4<sup>th</sup> edition*. Boston, Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Hart, Roderick P. (1997). *Modern Rhetorical Criticism, 2<sup>nd</sup> edition*. Boston, Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai: Penerbit Uniersiti Teknologi Malaysia.
- Hashim Musa. (1994). *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hendrikus, Dori Wuwur. (1991). *Retorika*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius (Anggota IKAPI).

- Henry Guntur Taringan. (1981). *Berbicara Sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- I Gusti Ngurah Oka. (1976). *Retorik Satu Tinjauan Pengantar*. Bandung: Penerbit Tarate.
- Ismail Dahaman. (2007). “Pewaris Takhta Kesultanan Kelantan”, Akhbar Mingguan Wasilah, 3 Jun 2007 hlm 30.
- Jalaluddin Rakhmat. (2000). *Retorika Modern Pendekatan Praktis*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Jamaliah Mohd Ali. (2000). *Verbal Communication A Study of Malaysian Speakers*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Jamaliah Mohd. Ali. (2000). *Verbal Communication: A study of Malaysian Speakers*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- James T. Collin. (1981). *Antologi Kajian Dialek Melayu, Diksi dan Gaya Bahasa (Komposisi I)*. Kuala Lumpur: Nusa Indah.
- Jeniri Amir. (2013). *Bahasa Melayu Suara dari Bawah. “Debat Anwar-Shabery: Strategi Retorik dalam Komunikasi Politik (2008: 217-238)”*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Joseph E. Grimes. (1984). *The Thread of Discourse*. Berlin: Mouton Publication.
- Kamaruddin Haji Hussin. (1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Kamilah Ghazali. (2004). *The Rhetoric of Dr. Mahathir Mohamad: A Critical Discourse Perspective*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Kamus Dewan Edisi KeEmpat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Kee Foong, Choong. (2003). *Analisis Strategi Retorik Sultan Omar Ali Saifuddien III tentang Isu-isu Perlembagaan Negeri Brunei dan Rancangan Malaysia, 1959-1963*. Disertasi Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Keraf, Gorys. (1984). *Diksi Dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Keraf, Gorys. (2004). *Argumentasi dan Narasi: Lanjutan komposisi III*. Jakarta: Fukuzawa Pustaka Utama.
- Kinneavy, James L. (1980). *A Theory Of Discourse: The Aims of Discourse*. London: W.W. Norton & Company.
- Kridalaksana, Harimurti. (1984). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka.

- Kridalaksana, Harimurti. (1994). *Kelas Kata Dalam Bahasa Indonesia (Edisi Ketiga)*. Jakarta: Gramedia Pustaka.
- Lanham, Richard A. (1991). *A Hardlist of Rhetorical Terms*. Los Angeles: University of California Press.
- Laurens, C.H. (1981). *Komunikasi Semasa dan Ilmu Semantis: Sejumlah Postulat*. Makalah Forum linguistik. Jakarta.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik*. Terjemahan Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. (1993). *Prinsip-prinsip Pragmatik*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Mana Sikana. (1988). *Asas Menganalisa Sastera*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Karyawan.
- Md. Sidin Ahmad Ishak, Mohd. Saleeh Rahamad. (1998). *Strategi Bahasa: Panduan Nahu dan Retorik untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mey, J. L. (ed.). (1998). *A Concise Encyclopaedia of Pragmatics*. Amsterdam: Elsevier.
- Modul PJJ KAE 3013: Ekspresi Kreativiti Kanak-kanak*. (2011). Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhamad Zahiri bin Awang Mat. (2012). Rahiman (Rahmat Kasih): Konsep dan Pelaksanaan dalam Membangunkan Masyarakat Bertakwa. *Jurnal Keputeraan*. Jil 1 103-133. Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK).
- Muhammad Na'im Daud. (2002). *Pentadbiran agama Islam di Kelantan: Kajian di akhir abad ke-19 sehingga awal abad ke-20 Masehi*. (PhD dissertation) Jabatan Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mulgave, Dorothy. (1954). *Speech*. New York: Barnes & Noble, Inc. Mulia, S.T.G (ed): Ensiclopedia Indonesia F-M. Bandung: W. Hoeve.
- Myers, F. (1999). Political argumentation and the composite audience: A case study. *Quarterly Journal of Speech*, 85:1, 55-71.
- Norida Berhan, Zulkifley Hamid. (2012). "Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa". *Jurnal Linguistik*. Jil 15 1-16.
- Nor Azuwan Yaakob. (2005). *Penulisan Kewartawanan Melayu: Kajian Retorik Terhadap Kandungan Akhbar Berita Harian (1957-1999)*. Disertasi Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nor Azuwan Yaakob. (2008). *Retorik Kewartawanan Melayu Akhbar Berita Harian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peter Dixon. (1991). terj Ismail Hamzah Nasution. *Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Pratt, Mary L. (1977). *Toward A Speech Act Theory of Literary Discourse*. Bloomington: Indiana University Press.
- Profil Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. (2006). Kota Bharu: MAIK.
- Profil Sosioekonomi Kelantan*. (2000). Kota Bharu: Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN).
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat Saripan. (1979). *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat Ismail. (2000). *Pidato Berpidato Seni dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- S. Nathesan. (2008). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saad Shukri Muda. (1971). *Detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Searle, J. R. (1975). Indirect speech acts. In *Syntax and Semantics*, Vol. 3: Speech Acts (Cole, P. & Morgan, J. L., eds.), p. 59-82. New York: Academic Press.
- Sharon Crowley S., Hawhee D. (1999). *Ancient Rhetorics for Contemporary Students*. 2<sup>nd</sup> ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Shellabear. (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Shukeri bin Mohamad. (2012). Salaman (Sejahtera) dan Penghayatannya dalam Sebuah Masyarakat Bertakwa. *Jurnal Keputeraan*. Jil 1 157-191. Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK).
- Siti Saniah Abu Bakar. (2009). *Retorik dalam Wacana Iklan Radio*. Disertasi Doktor Falsafah. Selangor. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Smelser, Neil J. dan Paul B. Batles (ed.). (2001). *International Encyclopedia of the Social and Behavioral Science*, vol. 8. Amsterdam: Elsvier.
- Sobariah binti Baharum. (2008). *Retorik dalam Nove-novel Abdullah Hussain*. Disertasi Doktor Falsafah. Selangor. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Stephen W. Littlejohn. (1983). *Theories of Human Communication*. California: Wadsworth Publishing Company Belmont.
- Suhendra Yusof. (1995). *Leksikon Sastera*. Bandung: Mandar Maju.

- Sultan Muhammad V. KDYMM. (2013). *Dewan Tamadun Islam*. Jil 1, Bil 12, 5-21.
- Taylor, M.P., (1983). *Writing to Communicate*. California: Wadsworth Publishing Co.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. New York: Longman.
- Timothy Borchers. (2006). *Rhetorical Theory An Introduction*. California: Wadsworth Publishing.
- Wan Mohd. Mahyiddin.(1978). *Garis perjuangan parti*. Kuala Lumpur. Utusan Publication.
- Watts, R. J., Ide, S., & Ehlich, K. (eds.). (1992). *Politeness in language: Studies in its history, theory, and practice*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Wendy Olmsted. (2006). *Rhetoric An Historical Introduction*. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Wilcox R. D. (2005). “*The Theory of Propaganda*” in *Propaganda, The Press and Conflict*. London: Routledge.
- Zoriati binti Osman. (2005). *Retorik Pujukan: Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang*. Tesis Sarjana. Selangor. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zulkeflee Yaacob. (2009). *Bahasa Istana Kelantan dari Sudut Sosiolinguistik*. Tesis Ph.D. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifli Ahmad Hamid. (1985). *A Rhetorical Analysis of the Selected Speeches of Tunku Abdul Rahman Putra on the Issues of Independence for Malaya, 1951-1957*. Tesis Ph.D. New York: University of Ohio.
- [https://books.google.com.my/books?id=qaYqjaEHqPUC&printsec=frontcover&source=gbs\\_ge\\_summary\\_r&cad=0#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?id=qaYqjaEHqPUC&printsec=frontcover&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q&f=false)
- <https://books.google.com.my/books?id=9gUrbzov9x0C&printsec=frontcover&dq=discourse+analysis&hl=en&sa=X&ved=0CBsQ6AEwAGoVChMI6M2z-MX6xwIVywqOCh22MAVB#v=onepage&q=discourse%20analysis&f=false>
- <https://books.google.com.my/books?id=6QJBAQAAQBAJ&pg=PA222&dq=rhetorical+speech&hl=en&sa=X&ved=0CDEQ6AEwBGoVChMI6M2z-MX6xwIVywqOCh25sAx0#v=onepage&q=rhetorical%20speech&f=false>



## **Latar Belakang KDYMM Sultan Muhammad V**



### **KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V**

**Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Kelantan Darulnaim dan Jajahan  
Takluknya**

**KDYMM Sultan Muhammad V, D.K., D.M.N., D.K. (Selangor), D.K. (Negeri  
Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K.  
(Terengganu), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.**

KDYMM Sultan Muhammad V sebelum ini dikenali sebagai Yang Amat Mulia Tengku Faris Petra. Baginda dilantikkan sebagai Yang Teramat Mulia (YTM) Tengku Mahkota Kelantan pada bulan Oktober 1985. Baginda dilahirkan pada 6 Oktober 1969 dan merupakan putera sulung KDYMM Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra ibni al-Marhum Sultan Yahya Petra dan Tengku Anis Binti Tengku Abdul Hamid.

Pada 24 Mei 2009 baginda telah dilantik sebagai Pemangku Sultan Kelantan. Manakala pada 13 September 2010 bersamaan dengan 4 Syawal 1431 Hijrah baginda telah dimasyurkan sebagai Sultan Negeri Kelantan Darul Naim ke-29 dengan gelaran Sultan Muhammad V. Seterusnya pada tanggal 13 Disember 2011, KDYMM Sultan Muhammad V telah dilantik memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

KDYMM Sultan Muhammad V mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail (1), Kota Bharu dan pada ketika itu baginda dilantik sebagai ketua kelas sepanjang menuntut di sekolah tersebut. Kemudiannya, baginda melanjutkan pelajaran di Alice Smith School Association Jalan Belammay dan kemudian berangkat ke England untuk melanjutkan pelajaran di Oakham School Rutland, England sehingga

1989 sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang Kajian Diplomatik di Kolej St. Cross dan Oxford Centre for Islamic Studies sehingga 1991. Baginda juga pernah mengikuti kursus di Huron University dalam bidang Diplomatic Relation and Business Administration, dan dalam bidang Diplomatic Relation di Deutsche Stiftung Internationale Erfwicklung, Berlin.

Menurut Datuk Abdul Halim Hamad yang merupakan mantan Ketua Istiadat Pejabat Sultan Kelantan, baginda seorang yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang pelajaran malah baginda begitu aktif dalam bidang sukan menembak, memanah, sukan berkuda dan sukan lasak yang lain. Baginda seorang yang berani dan sukakan aktiviti yang mencabar. Selain itu, menurut beliau juga baginda banyak terlibat dalam membantu badan sukarela seperti Yayasan Sultan Kelantan, Persatuan Sukan Berkuda, Persatuan Perubatan Anti-Penuaan Aestetik Rejeneratif Malaysia (SAAARMM), dan pelbagai lagi persatuan yang juga turut dinaungi oleh baginda Sultan termasuklah Penaung Persatuan Menembak Kelantan. (Sinar Harian; 11 November 2012).

KDYMM Sultan Muhammad V adalah seorang yang merendah diri dan sangat mengambil berat akan perihal rakyat di negeri Kelantan. Baginda banyak melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan, keagamaan dan menjadi kelaziman baginda menziarahi rakyat yang ditimpah musibah dan berada dalam kemiskinan. Sikap baginda yang perihatin dan mempunyai karisma yang tersendiri menjadi bualan rakyat kebanyakan atau golongan marahaen, terutama golongan yang pernah mendapat sentuhan peribadi baginda.

Pegangan agama yang kuat dalam diri baginda juga terserlah dan dapat dilihat dengan kezuhudan yang dipamerkan melalui penampilan tersendiri baginda serta kerapkali mencemar duli menghadiri majlis ilmu dan pelbagai program di masjid. Keadaan ini juga dapat dibuktikan melalui perisytiharan yang dititahkan oleh KDYMM Baginda Sultan setelah sah dimasyurkan sebagai Sultan Kelantan supaya seruan “Daulat Tuanku” digantikan buat pertama kali dengan seruan “Allahu Akbar”.

Rakyat Kelantan sangat bertuah dapat bernaung dan menumpang kasih di bawah KDYMM Sultan Muhammad V yang cukup sinonim dengan rakyat kebanyakan tanpa mengira kaum, keturunan dan warna kulit. “Sultan di hati rakyat” ialah ungkapan yang tepat untuk menzahirkan sanjungan hormat serta taat setia tidak berbelah bagi rakyat Kelantan kepada KDYMM Baginda Sultan.

**Teks 1: Titah Perasmian Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faris Petra Ibni Sultan Ismail Petra (D.K., S.P.M.K.) di Dewan Merdeka PWTC pada 12 April 2008.**

| Bil | Lokasi  | Ayat   | Teknik      |
|-----|---------|--|-------------|
| 1   | P1 b1-3 | Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.<br><br>Salam Sejahtera  | TKS         |
| 2   | P2 b1-4 | Bismillahir Rahmanir Rahim,<br><br>Segala puji milik Allah, Tuhan semesta alam; Tuhan yang Maha Mengetahui lagi Maha Adil lagi Maha Saksama, lalu menyeru supaya hamba-hambaNya melaksanakan keadilan dan sama sekali menjauhi kezaliman.  | TKS         |
| 3   | P2 b4-6 | Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para ulama dan para tabiin, semoga memperoleh ihsan di hari kebangkitan.  | TPP (h)     |
| 4   | P3 b1-3 | Beta bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dariNya juga, beta dapat berangkat untuk menzahirkan titah di Majlis Perhimpunan Perpaduan Melayu pada pagi yang mulia ini.   | TPP (gm-ks) |
| 5   | P3 b3-5 | Usaha yang dirintis oleh Badan Bertindak Perpaduan Melayu (BBPM) menganjurkan perhimpunan ini amatlah beta hargai.   | TPP (gm-pj) |
| 6   | P4 b1-3 | Beta juga amat berkenan dengan matlamat, misi dan objektif Badan Bertindak Perpaduan Melayu (BBPM) kerana pada ketika ini kedudukan rakyat beta dari kalangan orang Melayu Islam tercabar.   | TPP (gm)    |
| 7   | P4 b4-8 | Perpaduan Melayu wajar diberi keutamaan yang tinggi lebih-lebih lagi ketika keputusan Pilihanraya Umum Malaysia ke-12 (PRU 12) menunjukkan masyarakat Melayu berpecah belah dan sedang berhadapan dengan kaum lain yang lebih dominan dari segi politik dan ekonomi.<br><br><b>Kedaulatan dan ketuhanan Melayu</b> | TD (s)      |
| 8   | P5 b1-3 | Melihatkan tindak tanduk dan karenah mereka yang menang dan juga yang kalah, memberi petunjuk bahawa kedaulatan dan ketuhanan Melayu amat tercabar.  | TPM (t)     |

|    |                              |   |           |
|----|------------------------------|---|-----------|
| 9  | P5 b3-4                      | Mungkinkan ianya akan terhakis atau hilang terus?   | TPMK      |
| 10 | P6 b1                        | Rakyat Melayu semakin keliru.   | TPN (pj1) |
| 11 | P6 b1-2                      | Dimanakah benteng kekuatan Melayu untuk mempertahankan hak-hak Melayu dan ketuanan Melayu?  | TPMK      |
| 12 | P7 b1-5                      | Beta ingin menegaskan bahawa perkara utama yang harus diketahui dan difahami oleh semua orang ialah peruntukan perlombagaan bahawa orang Melayu adalah penduduk asal negeri-negeri Melayu yang dijamin hak yang istimewa sebagai rakyat Malaysia.   | TPK (m)   |
| 13 | P7 b5-11                     | Disamping itu Perkara 153 (1), Perkara 160 (2), Perkara 3 (1), Perkara 152, Perkara 32 dan Perkara 38 (1), jadual kelima berkaitan hak dan ketuanan Melayu mesti dipertahankan iaitu agama Islam adalah agama rasmi Malaysia, Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia dan raja-raja Melayu adalah raja berpelembagaan di negeri-negeri yang menjadi sebahagian daripada Malaysia. | TPM (t-t) |
| 14 | P7 b11                       | Institusi raja-raja melayulah yang menjadi payungnya.   | TPN (pj1) |
| 15 | P7 b12-14                    | Perkara-perkara inilah bukan sahaja perlu dipertahankan tetapi juga dijadikan tiang seri atau tonggak kepada kelangsungan ketuanan Melayu.  | TD (s)    |
|    | <b>Isu perpaduan Melayu.</b> |   |           |
| 16 | P8 b1-3                      | Adalah menjadi tanggungjawab rakyat Melayu memastikan perkara-perkara yang beta sebutkan tadi dipelihara dan dipertahankan sepanjang masa.  | TPN (ku)  |
| 17 | P8 b3-4                      | Jangan ada mana-mana pihak yang menggugatnya.   | TD (l)    |
| 18 | P8 b4-5                      | Orang-orang Melayu perlulah membulatkan tekad bersatu, jangan berpecah belah.   | TD (s)    |
| 19 | P8 b5-6                      | Elakkan dari berpolemik yang boleh menjarakkan persefahaman sesama sendiri.   | TD (l)    |
| 20 | P8 b6-7                      | Isu-isu ideologi, tafsiran pendapat yang pelbagai kesemuanya tidak menyumbang kepada  | TPF       |

|    |           |   |           |
|----|-----------|---|-----------|
|    |           | perpaduan Melayu.   |           |
| 21 | P8 b7-10  | Membincangkan polemik negara Islam, negara sekular, negara kebajikan, menyebabkan rakyat menjadi semakin kabur.   | TPN (s)   |
| 22 | P8 b10    | Ramai yang terpesong.   | TPN (pjL) |
| 23 | P8 b10-12 | Akibat daripada kekalutan ini, timbul satu senario di mana orang-orang Melayu semakin terasing menjarak dan menjauh.  | TPN (s)   |
| 24 | P9 b1-2   | Beta amat sedih kerana dalam keadaan sekarang tidak ada yang baik dikaitkan dengan Melayu.  | TPP (c)   |
| 25 | P9 b2-3   | Kita membiarkan diri kita didehdahkan, diaibkan dan dimalukan.  | TPN (pjL) |
| 26 | P9 b3-4   | Malah, nampaknya menjadi satu kebanggaan sekiranya kita dapat menunjukkan kelemahan bangsa sendiri.   | TPM (t-t) |
| 27 | P9 b4-5   | Siapa sahaja yang berjaya mesti dicari cacat celanya.   | TPN (pjL) |
| 28 | P9 b5-6   | Tidak cukup dengan internet ditambah dengan khidmat pesanan ringkas (SMS).  | TPF       |
| 29 | P9 b6-9   | Teori propaganda menyebut, sepuluh kebohongan kan menjadi kebenaran, teori komunikasi moden pula menyebutkan bahawa setiap E-mail dianggap benar, setiap SMS dianggap sahih.        | TPM (t-t) |
| 30 | P9 b9-10  | Banyak berita-berita dan peristiwa-peristiwa negatif yang lain; yang ditonjolkan ialah Melayu.  | TPN (ku)  |
| 31 | P9 b11-12 | Seolah-olah orang Melayu menjadi punca segala penyakit masyarakat seperti korupsi, dadah dan sebagainya.  | TPM (c)   |
| 32 | P9 b12-14 | Orang lain diam menyembunyikan keaiban bangsa mereka, kita yang beragama Islam menjadikan kerja mengaibkan bangsa sendiri sebagai hobi pertama.<br><br><b>Melayu: jiwa penakluk</b> | TPD       |
| 33 | P10 b1-2  | Beta membangkitkan perkara ini semua adalah semata-mata untuk menunjukkan umat Melayu amat rapuh perpaduannya.  | TPN (ku)  |

|    |          |   |          |
|----|----------|---|----------|
| 34 | P10 b3   | Kedaannya semakin hari semakin bertambah parah.   | TPN (pj) |
| 35 | P10 b3-5 | Beta berharap perhimpunan pada pagi ini memikirkan bagaimana hendak menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa berjiwa besar.  | TPP (h)  |
| 36 | P10 b5-6 | Kita mesti ada jiwa penakluk.   | TPN (pj) |
| 37 | P10 b6-7 | Tetapi bolehkah kita menjadi bangsa yang berjiwa penakluk?  | TPMK     |
| 38 | P10 b7-9 | Dengan sikap dan pendirian yang kita pegang hari ini, apakah kita bersedia dengan kemahiran dan kepandaian seperti bangsa maju di dunia?  | TPMK     |
| 39 | P11 b1-2 | Berjiwa penakluk di sini bukan bermakna menakluk bangsa atau kaum lain, bukan juga menakluk negara lain.  | TPF      |
| 40 | P11 b2-5 | Maksud beta ialah Melayu berjiwa penakluk adalah bangsa yang menakluk ketinggian ilmu, penguasaan ekonomi dan teknologi keunggulan tamadun, keluhuran iman dan takwa.   | TPN (ku) |
| 41 | P11 b5-7 | Kita juga perlu jadi bangsa penakluk yang dapat tewaskan nafsu buas, rasa iri hati dan hasad dengki yang membuatkan kita lupa diri apabila berkuasa.  | TD (s)   |
| 42 | P12 b1-3 | Beta ingin menyatakan bahawa perpaduan, kesepakatan patriotisma, sayangkan bangsa semuanya disatukan dalam satu ikatan perpaduan untuk memperkasakan martabat bangsa.   | TPN (tj) |
| 43 | P12 b3-8 | Beta berharap mesej yang beta sampaikan ini akan mengusik <i>conscience</i> atau <i>fikrah</i> kita semua untuk sama-sama menginsafi bahawa imej dan maruah yang tercalar adalah menjadi tanggungjawab semua tidak kira kedudukan, ideologi politik, bangsawan atau rakyat biasa bersama-sama bertanggungjawab memperbaikinya.<br><br><b>Para Peserta Perhimpunan Sekalian,</b><br><br><b>Bertindak untuk bersatu</b> | TPP (h)  |
| 44 | P13 b1   | Sekarang ini kita semua faham kenapa kita perlu   | TPN (pj) |

|    |            |  |           |
|----|------------|--|-----------|
|    |            | bersatu.   |           |
| 45 | P13 b1-3   | Beta telahpun menyebutkan perkara-perkara yang perlu dipertahankan yang menjadi hak ketuanan Melayu dalam perlumbagaan.  | TD (s)    |
| 46 | P13 b3-5   | Tetapi penyatuan Melayu lebih daripada itu, dari segi memastikan Melayu tidak terus berpecah belah.  | TPM (t-t) |
| 47 | P13 b5-7   | Mungkinkah orang Melayu tidak bijak berpolitik menyebabkan usaha-usaha menyatukan orang melayu gagal dicapai?  | TPMK      |
| 48 | P13 b7-8   | Mungkin ramai akan berasa tidak senang dengan kenyataan beta, tetapi ia adalah hakikat.  | TPP (k/s) |
| 49 | P13 b8-10  | Demi kekuasaan, ada dikalangan pemimpin-pemimpin melayu sanggup mengeneppikan kepentingan orang melayu itu sendiri.  | TPN (tj)  |
| 50 | P13 b10-12 | Ini berbeza dengan pemimpin-pemimpin kaum lain yang sanggup bersatu biarpun berbeza fahaman demi mempertahankan hak mereka.  | TPN (tj)  |
| 51 | P14 b1-3   | Malangnya, beta dapati rakyat melayu masih mengamalkan sikap marahkan nyamuk kelambu dibakar atau marahkan pemimpin, masa depan anak cucu digadaikan.  | TPD       |
| 52 | P14 b3-6   | Yang menyediakan ada pula paling taksub hendakkan kuasa sehingga membujur lalu, melintang patah, asal dapat kuasa yang menjadi matlamat terakhir, sehingga sanggup menang sorak, kampung tergadai. | TPD       |
| 53 | P14 b6-8   | Selagi sikap ini tidak dikikis, maka selagi itulah usaha untuk menyatukan melayu hanya akan menjadi satu impian semata-mata.   | TPN (tj)  |
| 54 | P15 b1-3   | Beta berpendapat perhimpunan hari ini harus memikirkan dengan semasak-masaknya sampai bila orang kita, melayu harus bertelagah dan tidak muhu bersatu serta berfikir secara matang.                | TD (s)    |
| 55 | P15 b3-5   | Sebenarnya pada pandangan beta orang melayu kini tidak mampu lagi ditüp dengan slogan dan retorik.   | TPK (m)   |
| 56 | P15 b5-8   | Peserta-peserta perhimpunan hendaklah  | TD (s)    |

|    |           |  |          |
|----|-----------|--|----------|
|    |           | mempunyai niat untuk menyatupadukan melayu secara jujur dan ikhlas tanpa mempunyai apa-apa agenda tersembunyi, termasuklah untuk menaikkan atau menjatuhkan mana-mana pemimpin.                                |          |
| 57 | P15 b8-12 | Yang terpenting sekali ialah usaha-usaha menyatupadukan melayu mestilah berteraskan kepada matlamat untuk manjamin hak melayu terpelihara dan masa depan anak cucu kita tidak tergadai kerana perebutan kuasa. | TPN (ku) |
| 58 | P16 b1-3  | Walaupun beta banyak menegaskan perpaduan melayu, hak-hak melayu dan ketuanan melayu, tidak bermakna beta tidak mengambil kira kepentingan kaum-kaum lain yang merupakan rakyat negara ini.                    | TPT/A    |
| 59 | P16 b4-6  | Sebenarnya apabila hak-hak dan keistimewaan orang melayu dijaga dan dipelihara serta tidak diganggu gugat, akan menjamin keharmonian negara.   | TPK (m)  |
| 60 | P16 b6-7  | Ini bukan sahaja menguntungkan melayu tetapi juga semua kaum.<br><br><b>Cabar Masyarakat Majmuk.</b>   | TPN (pj) |
| 61 | P17 b1-4  | Beta ingin mengingatkan bahawa dalam kita bertindak menyatupadukan melayu, kita harus akur bahawa dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia,  | TD (s)   |
| 62 | P17 b4-b6 | hak-hak kaum lain adalah sentiasa terjamin seperti contohnya, mereka dibenarkan mengamal agama anutan mereka dengan aman iaitu patuh kepada undang-undang dan damai iaitu tidak provokatif terhadap Islam.     | TPM (c)  |
| 63 | P17 b6-8  | Raja-raja melayu adalah ketua agama Islam dan Malaysia adalah Negara Islam bukan sekular, acuan tersendiri, bukan seperti negara-negara lain.  | TPN (ku) |
| 64 | P18 b1    | Tidak harus ada apa-apa keimbangan.  | TD (l)   |
| 65 | P18 b1-4  | Raja-raja akan menjadi payung kepada perpaduan dan menjadi sumber ketaatan kepada seluruh rakyat, sebagaimana yang termaktub di dalam perlombagaan dan rukun negara.   | TPM (t)  |

|    |           |  |          |
|----|-----------|--|----------|
| 66 | P18 b4-8  | Dengan demikian, sewajarnyalah semua rakyat bersatu dan tidak harus ada ungkit-mengungkit mengenai hak dan keistimewaan orang-orang melayu kerana ia adalah QUID PRO QUO sebagai balasan kepada beri-paksa kerakyatan kepada 2.7 juta kaum lain yang datang ke persekutuan tanah melayu. | TD (s)   |
| 67 | P18 b8-10 | Maka memanglah tidak wajar setelah kaum lain mendapat kerakyatan, mereka menuntut pula persamaan hak dan keistimewaan.   | TPK (m)  |
| 68 | P19 b1-3  | Sekali lagi beta ingin menegaskan bahawa hak dan keistimewaan orang melayu adalah amanah dan tanggungjawab yang wajar dilindungi dan akauntabel kepada generasi warisan keturunan melayu,  | TPN (ku) |
| 69 | P19 b3-6  | beta yakin kaum-kaum lain juga mahu melihat orang-orang melayu bersatu kerana jika orang-orang melayu bergaduh sesama sendiri sudah pasti keamanan tergugat.   | TKP      |
|    |           | <b>Penutup</b>   |          |
| 70 | P20 b1-4  | Bersempena Sambutan Maulidul Rasul 1429 H ini, marilah kita semua bermuhasabah, jangan berdegil, menolak perpaduan disebabkan untuk mempertahankan ideologi atau fahaman atau perjuangan masing-masing.  | TD (s)   |
| 71 | P20 b4-5  | Hakikatnya melayu adalah Islam dan Islam itu berkait rapat dengan orang melayu.  | TPN (s)  |
| 72 | P20 b5-8  | Semua pihak mesti berfikir dengan secara berhemah dan penuh semangat ketenangan dan persaudaraan bahawa kita berhak berbeza pendapat tetapi dalam soal mempertahankan hak melayu dan Islam, kita tidak ada kompromi.   | TD (s)   |
| 73 | P20 b8-10 | Begini juga kita tidak berkompromi untuk menentang seseiapa yang tidak berlaku adil dan saksama kepada kaum dan agama lain.  | TPF      |
| 74 | P21 b1-2  | Beta menyeru rakyat beta, khususnya orang-orang melayu bersatu padu kerana itu juga tuntutan dalam Islam.  | TPT      |
| 75 | P21 b2-4  | Hari ini, kita jangan bercakap sahaja kita mesti bertindak dan menunjukkan hasil tindakan kita   | TD (s)   |

|    |          |  |             |
|----|----------|--|-------------|
|    |          | benar-benar mencapai matlamat yang kita sasarkan.  |             |
| 76 | P21 b5-7 | Sekiranya ini dapat dicapai, beta amat berbangga dan sesungguhnya kedaulatan dan ketuanan melayu akan terus kukuh dan terbilang dengan institusi di-raja memayunginya.   | TPP (gm-pj) |
| 77 | P22 b1-5 | Sesungguhnya beta mempunyai impian dan harapan untuk melihat suatu keadaan di mana perbalahan dan perbezaan pendapat di antara semua pemimpin melayu Islam itu dirungkaikan menerusi satu muzakarah pemimpin melayu Islam yang diadakan secara tertutup, berhemah dan bijaksana. | TPP (h)     |
| 78 | P22 b5-7 | Beta berharap segala perbezaan pendapat diketepikan. Perpaduan ummah harus diutamakan demi agama, bangsa dan negara.   | TPP (h)     |
| 79 | P23 b1-4 | Beta berdoa kehadrat Allah SWT, semoga perhimpunan ini dapat berlangsung dalam suasana berterus terang berlandaskan semangat muhu membina perpaduan bangsa melayu yang berintegriti tinggi agar melayu dihormati di negara sendiri dan diperingkat antarabangsa.                 | TPP (h)     |
| 80 | P24 b1-4 | Dengan ini, beta dengan kalimah BISMILLA-HIRRAHMA-NIRRAHIM, merasmikan Majlis Perhimpunan Perpaduan Melayu, sempena deklarasi Maulidur Rasul 1429 H, anjuran Badan Bertindak Perpaduan Melayu (BBPM).  | TPM (t-pk)  |
| 81 | P25 b1-2 | Sekian,<br><br>WABILLAHIA-TAUFIK WALHIDAYAH,<br>WASSALAMUALAIKUM<br>WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.  | TKS         |

**Teks 2: Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Ke-3 Dewan Negeri Kelantan, Yang Ke-12 (2010). Ahad, 30 Zulkaedah 1431H / 7 November 2010)**

| Bil                                       | Lokasi  | Ayat  | Teknik      |
|---|---------|---|-------------|
| 1   | P1 b1-2 | Assalamu'alaikum<br>Wabarakatuh<br><br>Bismillahir Rahmanir Rahim   | TKS         |
| 2   | P2 b1-6 | Segala puji-pujian dan lafaz kesyukuran hanya bagi Allah. Tuhan yang menganugerahkan nikmat iman dan Islam, meluaskan rahmat kepada sekalian makhluknya, memberi hidayah dan taufiq kepada mereka yang dikehendakinya.  | TPP (gm-ks) |
| 3   | P3 b1-4 | Solawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad Sollallahu Alaihi Wasallam yang membawa rahmat ke sekalian alam.  | TKS         |
| 4   | P4 b1-7 | Solawat dan salam juga dipanjangkan buat ahli keluarga dan zuriat baginda, para sahabat serta para tabi'in dan generasi penyambung yang berjuang mendaulatkan kalimah Allah, menyebar risalah kebenaran dan mempertahankan sunnah baginda hingga ke akhir zaman.  | TPM (t)     |
| 5   | P5 b1-9 | Marilah kita zahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan yang telah memberi inayah dan keizinannya, untuk beta hadir merasmikan pembukaan Persidangan Kali Yang Ketiga Belanjawan, bagi tempoh penggal yang ketiga Dewan Negeri Kelantan kali yang kedua belas pada pagi yang bersejarah ini. | TD (s)      |
| <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b> |         |   |             |
| 6   | P6 b1-5 | Beta mendapat maklum bahawa unjuran ekonomi negara dijangka terus berkembang kukuh pada suku kedua tahun dua ribu sepuluh dengan kadar pertumbuhan melebihi lapan peratus.  | TPK (s)     |
| 7   | P6 b6-8 | Pertumbuhan ini didorong kuat oleh permintaan domestik dan diperkuatkan oleh prestasi eksport.  | TPM (t)     |

|    |           |   |           |
|----|-----------|---|-----------|
| 8  | P6 b8-13  | Selain daripada itu pelaburan swasta juga dijangka menguatkan lagi ekonomi Malaysia dengan disokong oleh program transformasi kerajaan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan bidang keberhasilan utama negara.                 | TPM (t-t) |
| 9  | P7 b1-7   | Beta mendapat maklum bahawa pada masa kini perkembangan ekonomi negeri Kelantan juga dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan positif Keluaran Dalam Negara Kasar pada kadar enam perpuluhan Sembilan peratus.     | TPK (s)   |
| 10 | P7 b7-10  | Beta berharap pertumbuhan ini akan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan untuk tahun-tahun yang seterusnya.  | TPP (h)   |
| 11 | P7 b10-12 | Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama dan diikuti oleh sektor pertanian.   | TPN (ku)  |
| 12 | P7 b12-15 | Beta berharap penyertaan sektor swasta dengan lebih aktif dapat memperkuatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri ini.  | TPP (h)   |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |           |
| 13 | P8 b1-6   | Sektor pertanian masih merupakan nadi kepada pembangunan negeri Kelantan di mana lebih dari dua puluh peratus sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri adalah disumbangkan oleh sektor pertanian.                     | TPN (ku)  |
| 14 | P8 b6-11  | Beta mendapat maklum bahawa pada tahun dua ribu tujuh pertumbuhan sektor pertanian negeri melebihi lima belas peratus setahun berbanding dengan Malaysia hanya satu perpuluhan empat peratus setahun.                     | TPM (l)   |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |           |
| 15 | P9 b1-7   | Beta dimaklumkan bahawa kerajaan beta telah melancarkan kempen “Bertani Satu Ibadah” dengan tujuan supaya rakyat beta mendapat kefahaman dan seterusnya memotivasi para petani supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh. | TPK (s)   |

|    |            |  |         |
|----|------------|--|---------|
| 16 | P9 b7-9    | Ini secara langsungnya akan meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negeri.  | TPN (s) |
| 17 | P9 b9-14   | Agensi-agensi yang terlibat hendaklah serius dalam menjayakan kempen ini dengan mewujudkan idea-idea baru dan program-program yang terancang bagi mencapai visi dan misinya.   | TD (s)  |
| 18 | P10 b1-6   | Seterusnya bagi meningkatkan pengeluaran makanan beta menyarankan agar usaha yang telah dilakukan dalam bidang bioteknologi pertanian dipertingkatkan bagi mendapat hasil dan kualiti yang baik.   | TPT     |
| 19 | P10 b6-12  | Usaha kerajaan negeri untuk membangunkan lembah agrobiotek Kelantan akan dapat memacu perkembangan industri biotek dan memberi kesedaran kepada rakyat untuk mengaplikasikan bioteknologi dalam pertanian.   | TPN (s) |
| 20 | P11 b1-8   | <p style="text-align: center;"><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b></p> Beta dimaklumkan bahawa kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa pada tahun dua ribu sembilan ialah seramai empat perpuluhan lapan juta orang yang terdiri daripada empat perpuluhan dua juta pelancong domestik dan kosong perpuluhan enam juta pelancong antarabangsa. | TPM (I) |
| 21 | P11 b8-13  | Beta turut difahamkan jumlah kemasukan pelancong bagi tahun dua ribu sepuluh telah pun mencapai tujuh puluh lapan perpuluhan tujuh enam peratus dan ini merupakan satu perkembangan yang baik.   | TPK (s) |
| 22 | P11 b14-18 | Beta percaya dengan adanya kemudahan yang baik, sempurna dan selesa akan dapat menarik minat pelancong untuk terus berkunjung ke destinasi-destinasi yang menarik di negeri ini.   | TKP     |
| 23 | P12 b1-8   | Beta menyarankan kerajaan melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam membangunkan industri pelancongan negeri dapat mencari produk-produk baru pelancongan seperti pelancongan kesihatan dan pelancongan  | TPT     |

|    |            |  |             |
|----|------------|--|-------------|
|    |            | agama yang berpotensi untuk dimajukan.   |             |
| 24 | P12 b8-10  | Beta difahamkan pada Pelancongan Agama Kandis, Bachok sedang dalam perancangan kerajaan.   | TPK (s)     |
| 25 | P12 b11-15 | Beta mengingatkan bahawa semua aktiviti pelancongan yang hendak dilaksanakan perlulah selari dengan tuntutan syarak dan tidak bercanggah dengan kesucian Agama Islam.                                      | TD (s)      |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  |             |
| 26 | P13 b1-6   | Beta mendapat maklum bahawa bagi mempertingkatkan lagi pertumbuhan sektor industri tapak-tapak baru bagi kawasan perindustrian sedang dikenal pasti lokasi-lokasi strategik di jajahan-jajahan.            | TPK (s)     |
| 27 | P13 b6-8   | Pelaksanaan ini adalah penting bagi menjamin perkembangan dan pembangunan ekonomi.   | TPN (ku)    |
| 28 | P13 b8-12  | Beta menyarankan fokus diberikan kepada industri kecil dan sederhana kerana majoriti usahawan terlibat dalam kategori ini.   | TPT         |
| 29 | P13 b12-18 | Sehubungan dengan itu keperluan kemudahan prasarana di setiap kawasan perindustrian perlu dinaiktaraf dan dilengkapi bagi mengukuhkan lagi sektor ini serta menjamin kemasukan pelabur-pelabur baru.       | TPM (t-pk)  |
| 30 | P13 b18-23 | Beta juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil langkah mewujudkan kawasan industri kecil dan sederhana di Kampung Tiong berhampiran Bandar Baru Tunjong seluas seratus tiga hektar. | TPP (gm-ks) |
| 31 | P14 b1-5   | Beta juga mengharapkan kerajaan negeri mempromosikan dengan lebih giat lagi produk-produk industri kecil dan sederhana negeri Kelantan sehingga ke peringkat nasional dan antarabangsa.                    | TPP (h)     |
| 32 | P14 b6-9   | Usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana perlulah menghasilkan produk-produk yang berkualiti dan berdaya saing.  | TD (s)      |

|    |            |  |            |
|----|------------|--|------------|
| 33 | P15 b1-7   | Beta mendapat maklum Pihak Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur bersama perbadanan kemajuan iktisad negeri Kelantan akan melaksanakan ‘Halal Park’ di Mukim Apam, Jajahan Pasir Mas seluas empat puluh empat hektar yang berstatus ‘Halalmas’.                     | TPK (s)    |
| 34 | P15 b7-11  | Program pembangunan ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan industri perkhidmatan serta industri hiliran yang lain.<br><br><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   | TPN (s)    |
| 35 | P16 b1-5   | Beta menyarankan supaya kerajaan beta merangka hubungan perdagangan bagi tujuan meluaskan pemasaran produk berjenama Kelantan ke peringkat nasional dan antarabangsa.  | TPT        |
| 36 | P16 b5-10  | Hubungan jaringan perdagangan dan kerjasama ekonomi dengan negara-negara serantau, dan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle seharusnya dimanfaatkan.  | TPM (t)    |
| 37 | P16 b10-15 | Usaha menarik pelaburan ke negeri ini perlulah digiatkan termasuk menjalin hubungan perdagangan dengan negara China seharusnya diterokai bagi menggalakkan pembangunan ekonomi di negeri ini.  | TD (s)     |
| 38 | P16 b15-22 | Dalam usaha ini, penganjuran Ekspo Cheng Ho yang dijadualkan akan diadakan pada dua puluh satu hingga dua puluh enam November tahun ini mampu menggalakkan pertumbuhan ekonomi negeri ini melalui penyertaan syarikat-syarikat pengeluaran dari dalam dan luar negara. | TPN (s)    |
| 39 | P16 b22-24 | Ini adalah selaras dengan hasrat menjadikan Kelantan sebagai hub-halal di rantau ini.  | TPN (ku)   |
| 40 | P17 b1-6   | Dasar kerajaan negeri bagi melahirkan rakyat berdikari adalah satu usaha termasuk mengekalkan produk seni dan kraf Kelantan yang sudah mahsyur sejak sekian lama seperti batik, songket, ukiran kayu dan sebagainya.   | TPN (ku)   |
| 41 | P17 b6-14  | Sehubungan dengan ini, penubuhan pusat pembangunan keusahawanan dan kemahiran  | TPM (t-pk) |

|    |            |  |             |
|----|------------|--|-------------|
|    |            | Kelantan atau KESDEC merupakan salah satu platform yang berperanan dalam menyediakan pelbagai bentuk latihan keusahawanan, pemasaran dan lain-lain kemahiran kepada usahawan dan bakal-bakal usahawan negeri Kelantan.   |             |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  |             |
| 42 | P18 b1-4   | Beta yakin rangkaian jalan raya yang baik bagi seluruh negeri Kelantan akan meningkatkan lagi ‘connectivity’ dan mobiliti penduduk di negeri ini.  | TKP         |
| 43 | P18 b5-13  | Beta mengucapkan terima kasih kepada kerajaan persekutuan dengan cadangan projek ‘central spine road’ iaitu pembinaan jalan baru dan menaiktaraf jalan persekutuan laluan lapan dan sembilan yang sedia ada sepanjang tiga ratus sembilan puluh kilometer, yang bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang. | TPP (gm-ks) |
| 44 | P18 b13-17 | Dengan terbinanya jalan ini akan dapat memendekkan masa perjalanan di antara negeri Kelantan dan negeri-negeri di Pantai Barat.  | TPM (t-pk)  |
| 45 | P19 b1-5   | Beta juga berharap pihak kerajaan persekutuan akan meneruskan pelaksanaan pembinaan jalan baru dari Kota Bharu ke Kuala Krai dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.   | TPP (h)     |
| 46 | P19 b5-9   | Beta difahamkan projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima tetapi sehingga kini pelaksanaan projek ini masih ditangguhkan.   | TPK (s)     |
| 47 | P19 b9-13  | Beta mendapat maklum bahawa jalan Kota Bharu-Kuala Krai yang sedia ada sudah tidak berkeupayaan untuk menampung jumlah trafik masa kini.   | TPK (s)     |
| 48 | P19 b13-15 | Projek jalan pesisir pantai juga perlulah diberi perhatian oleh kerajaan persekutuan.  | TD (s)      |
| 49 | P19 b15-20 | Beta berharap pelaksanaan projek-projek ini akan diberi keutamaan oleh kerajaan persekutuan dalam mempertimbangkan pelan   | TPP (h)     |

|    |            |   |          |
|----|------------|---|----------|
|    |            | pekaburan sektor awam dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.   |          |
| 50 | P20 b1-6   | Pembangunan infrastruktur terus diberi keutamaan oleh kerajaan di mana pada tahun dua ribu sepuluh kerajaan negeri telah memperuntukan sebanyak lebih daripada lima puluh juta ringgit di bawah Program Kesejahteraan Rakyat.<br><br><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  | TPM (t)  |
| 51 | P21 b1-6   | Beta gembira bahawa kerajaan negeri telah memberi sepenuh kerjasama kepada kerajaan persekutuan bagi perolehan tanah untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah rancangan-rancangan Malaysia.   | TPP (gm) |
| 52 | P21 b7-16  | Walaubagaimana pun beta mendapat maklum bahawa lebih daripada satu ribu lapan puluh enam hektar tanah yang telah dibuat pengambilan balik melibatkan seratus lapan belas projek melibatkan enam belas kementerian sejak dari Rancangan Malaysia Keenam hingga Rancangan Malaysia Kesembilan masih belum dilaksanakan sebagaimana yang dirancangkan. | TPT/A    |
| 53 | P21 b16-21 | Dalam hal ini beta menaruh harapan agar semua tanah-tanah yang telah dibuat pengambilan diberi keutamaan khusus dalam pelan pelaburan sektor awam Rancangan Malaysia Kesepuluh.   | TPP (h)  |
| 54 | P22 b1-8   | Beta juga menaruh harapan yang tinggi agar pihak kerajaan persekutuan dapat menyediakan agihan peruntukan yang sesuai dan adil dalam pelaksanaan pelan pelaburan sektor awam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi negeri ini selaras dengan agenda pembangunan negeri Kelantan.  | TPP (h)  |
| 55 | P22 b8-11  | Ini bagi memastikan pembangunan di negeri Kelantan selari dengan pembangunan dan kemajuan yang dikehendaki oleh negeri-negeri lain.<br><br><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  | TPN (ku) |

|    |           |  |           |
|----|-----------|--|-----------|
| 56 | P23 b1-5  | Beta difahamkan sehingga disember dua ribu sembilan hanya lima puluh tujuh perpuluhan enam peratus daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan negeri Kelantan dibelanjakan.  | TPM (l)   |
| 57 | P23 b6-8  | Ini bermaksud hampir separuh daripada jumlah peruntukan tersebut masih belum dibelanjakan.   | TPN (ku)  |
| 58 | P23 b8-15 | Masalah ini amat membimbangkan beta kerana ia bukan sahaja telah merencatkan aktiviti pembangunan di negeri ini malah ia juga telah mendatangkan masalah-masalah lain seperti pembangunan yang tidak seimbang di antara wilayah dan negeri-negeri di seluruh Malaysia. | TPP (k/s) |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  |           |
| 59 | P24 b1-8  | Kawalan dan pemantauan aktiviti pembangunan di Tanah Tinggi Lojing hendaklah mengikut garis panduan kawasan pembangunan khas yang telah diwujudkan bagi memastikan pembangunan Tanah Tinggi Lojing tidak akan menyebabkan berlakunya masalah tanah runtuh dan hakisan. | TD (s)    |
| 60 | P24 b8-14 | Beta percaya dengan penubuhan jajahan kecil Lojing baru-baru ini akan dapat memantau dan mengawal segala aktiviti-aktiviti pembangunan di Tanah Tinggi Lojing secara langsung bersama-sama dengan Jabatan Alam Sekitar.  | TKP       |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  |           |
| 61 | P25 b1-4  | Beta mendapat maklum bahawa nilai pelaburan yang telah diluluskan oleh kerajaan beta sehingga kini adalah sebanyak lima bilion ringgit.  | TPK (s)   |
| 62 | P25 b5-9  | Ini menunjukkan negeri Kelantan mempunyai potensi yang besar untuk menarik pelabur-pelabur terutamanya dalam sektor pertanian dan sektor perkhidmatan.   | TPN (ku)  |
| 63 | P25 b9-16 | Beta juga berharap rakyat Kelantan yang  | TPP (h)   |

|    |           |   |             |
|----|-----------|---|-------------|
|    |           | berjaya dalam bidang keusahawanan di luar negara dapat memberi khidmat bakti dan melabur di negeri sendiri khususnya di dalam bidang pengeluaran makanan, barang halal, perkhidmatan dan pelancongan.   |             |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 64 | P26 b1-7  | Beta dimaklumkan bahawa usaha menuntut royalti petroleum sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian di antara kerajaan negeri beta dengan PETRONAS yang telah ditandatangani pada sembilan mei sembilan belas tujuh puluh lima masih dalam proses tuntutan. | TPM (l)     |
| 65 | P26 b7-9  | Beta berharap agar usaha tersebut akan membawa hasil dalam masa terdekat.   | TPP (h)     |
| 66 | P26 b9-13 | Bersama-sama kita memohon doa kepada Allah Yang Maha Adil agar perkara ini dapat diselesaikan dengan seadil-adilnya demi kebaikan rakyat negeri beta.   | TD (s)      |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 67 | P27 b1-7  | Bagi merealisasikan matlamat kerajaan negeri ke arah pembangunan ICT yang lebih cemerlang, satu dokumen halatuju strategik ICT negeri Kelantan yang holistik iaitu “Kelantan State ICT Blueprint” telah dihasilkan dengan kerjasama kerajaan persekutuan.       | TPN (tj)    |
| 68 | P27 b7-11 | Beta berharap dengan adanya Blueprint ini akan membuka mata masyarakat untuk meneroka peluang-peluang dalam bidang ICT.   | TPP (h)     |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 69 | P28 b1-3  | Beta berbangga dengan keharmonian dan perpaduan antara kaum dan agama di negeri ini.  | TPP (gm-pj) |
| 70 | P28 b3-6  | Sememangnya rakyat negeri ini mempunyai kesedaran dan semangat perpaduan yang tinggi  | TPK (m)     |

|    |            |   |             |
|----|------------|---|-------------|
|    |            | untuk menjamin keamanan dan kestabilan negeri.  |             |
| 71 | P28 b6-11  | Nikmat perpaduan dan keamanan yang ada perlu dipertahankan dengan semangat kerjasama yang kukuh di antara semua pihak tanpa mengira ideologi masing-masing.   | TD (s)      |
| 72 | P28 b11-17 | Beta bersyukur dengan situasi semasa yang wujud di negeri ini, Islam amat menitikberatkan sikap toleransi, bekerjasama, saling memahami antara satu sama lain untuk kebaikan bersama kerana ianya akan mendapat rahmat dari Allah subhanahu Wata'ala. | TPP (gm-ks) |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 73 | P29 b1-2   | Beta difahamkan kes demam denggi di negeri Kelantan amat membimbangkan.   | TPP (k/s)   |
| 74 | P29 b3-5   | Beta menasihatkan agar seluruh rakyat Kelantan mengambil perhatian yang serius terhadap wabak penyakit ini.   | TD (n)      |
| 75 | P29 b6-12  | Beta juga berharap seluruh rakyat sentiasa peka dan mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak kesihatan negeri dan yang paling utama adalah menjaga kebersihan diri tempat tinggal dan kawasan persekitaran untuk kesejahteraan bersama.     | TPP (h)     |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 76 | P30 b1-4   | Dalam mencapai agenda pembangunan sesebuah negara mahupun negeri, soal pendidikan tidak boleh sama sekali dipinggirkan.   | TD (l)      |
| 77 | P30 b4-7   | Ia merupakan satu asas dan juga merupakan perkara yang harus dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat.   | TPN (ku)    |
| 78 | P30 b7-11  | Dalam hubungan ini beta difahamkan kerajaan negeri juga telah melaksanakan pelbagai alternatif dan perancangan bagi meningkatkan mutu pendidikan di negeri ini.   | TPM (t-pk)  |

|    |            |   |             |
|----|------------|---|-------------|
| 79 | P30 b11-16 | Antaranya cadangan mewujudkan Kolej Yayasan Islam Kelantan menaiktaraf Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra kepada Kolej Universiti dan mewujudkan Pondok Moden di Jajahan Kecil Lojing.  | TPM (c)     |
| 80 | P31 b1-6   | Di dewan yang mulia ini, beta berhasrat supaya kerajaan negeri mencari satu pendekatan baru bagi menggabungkan sekolah-sekolah agama yang kurang berdaya maju di bawah Yayasan Islam Kelantan.  | TPP (h)     |
| 81 | P31 b6-8   | Kaedah ini akan dapat membantu dalam meningkatkan kualiti pendidikan negeri.  | TPN (s)     |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 82 | P32 b1-9   | Beta juga merasa bangga dengan jentera perkhidmatan awam negeri Kelantan yang sentiasa berusaha mengekalkan tadbir urus yang terbaik berteraskan nilai ‘ubudiyah’, ‘mas’uliyyah’, dan ‘itqan’ ke arah budaya kerja berprestasi tinggi dengan komitmen bersama daripada jabatan agensi dan semua jentera pentadbiran awam di negeri ini. | TPP (gm-pj) |
| 83 | P32 b10-14 | Pencapaian dalam program pembudayaan kualiti seperti amalan persekitaran berkualiti, petunjuk prestasi utama dan sistem penarafan bintang haruslah dikekalkan.  | TPM (c)     |
| 84 | P32 b14-19 | Inisiatif mengutamakan pelanggan juga sewajarnya diutamakan kerana ianya boleh memberi satu jalinan yang baik dan kebolehpercayaan oleh pelanggan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.  | TD (s)      |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 85 | P33 b1-5   | Beta juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri sempena Sambutan Dua Puluh Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam.   | TPP (gm-pj) |
| 86 | P33 b5-10  | Bermula pada tahun sembilan belas sembilan  | TPM (l)     |

|    |            |  |             |
|----|------------|--|-------------|
|    |            | puluh hingga sekarang, kerajaan negeri telah meletakkan dasar membangun bersama Islam sebagai asas pentadbiran dan pembangunan negeri.   |             |
| 87 | P33 b10-17 | Beta juga ingin mengucapkan tahniah di atas penubuhan perbadanan Bandar Baru Tunjong yang akan menguruskan pembangunan di kawasan tersebut mengikut perancangan yang telah ditetapkan bagi menampung limpahan pembangunan di Bandar Kota Bharu yang semakin padat.   | TPP (gm-pj) |
| 88 | P33 b17-20 | Kawasan ini juga bakal menempatkan kompleks agensi-agensi kerajaan pusat dan negeri.<br><br><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  | TPM (t)     |
| 89 | P34 b1-4   | Beta mengakhiri titah ucapan ini, dengan memohon doa restu Ilahi agar kita semua sentiasa di bawah pemeliharaan dan barakah Allah yang berterusan.   | TPP (h)     |
| 90 | P34 b5-14  | Beta juga merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua ahli yang berhormat, pegawai dan kakitangan di semua peringkat selaku jentera kerajaan negeri dan persekutuan, pasukan keselamatan, badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, badan sukarela dan badan bukan kerajaan serta seluruh rakyat jelata. | TPP (gm-pj) |
| 91 | P34 b14-20 | Rasa syukur beta dan penghargaan kepada semua pihak yang telah berganding bahu membangun serta memelihara keharmonian dan kemanan negeri, menjunjung syariat, memelihara budaya dan adat susila warisan bangsa di bawah tunjuk ajar ulamak.  | TPP (gm-ks) |
| 92 | P35 b1-6   | Kepada Allah jua kita panjatkan doa dan harapan, agar segala perancangan serta pengurusan negeri dan rakyat sentiasa mendapat inayah Allah sepanjang masa, di bawah hidayah dan taufiq menuju keredhaannya.  | TPP (h)     |
| 93 | P36 b1-7   | Pada hari yang bersejarah ini, dengan lafaz ‘Bismillahir Rahmani Rahim’, beta dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan  | TPP (gm)    |

|    |          |  |     |
|----|----------|--|-----|
| 94 | P37 b1-3 | <p>Persidangan Kali yang Ketiga (Belanjawan) bagi tempoh penggal yang ketiga Dewan Negeri Kelantan yang kedua belas, Amin Ya Rabbal'Alamin.</p> <p>Wabillahi Taufiq Walhidayah<br/>Wassalamualaikum Warahmatullahitaala<br/>Wabarakatuh.</p> | TKS |
|----|----------|--|-----|

**Teks 3: Penggal Ke-5 Dewan Undangan Negeri, Ke-12 Tahun 2012.  
(Khamis, 8 Rabiul Akhir 1433 H / I Mac 2012).**

| Bil | Lokasi  | Ayat   | Teknik      |
|-----|---------|--|-------------|
| 1   | P1 b1-2 | Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh<br><br>Bismillahir Rahmanir Rahim  | TKS         |
| 2   | P2 b1-4 | Marilah kita merafak kesyukuran yang setinggi-tingginya kehadrat Allah Subhanahu Wataala, tuhan yang sentiasa mengurniakan rahmat dan nikmat kepada kita sekalian.   | TD (s)      |
| 3   | P2 b4   | Dialah yang memberi taufiq dan hidayah kepada kita.  | TPM (t)     |
| 4   | P3 b1-3 | Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Yang Mulia dan tercinta Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang diutuskan untuk meratakan rahmat ke sekalian alam.  | TKS         |
| 5   | P4 b1-6 | Selawat dan salam juga dipohonkan buat ahli keluarga dan zuriat baginda, para sahabat selaku bintang penyuluhan dalam kegelapan serta para tabi'in serta ulamak warasatul anbiyyaa' dan generasi penerus sunnah, yang berjuang mendaulatkan Islam, menyebar risalah kebenaran dan mempertahankan sunnah baginda hingga ke akhir zaman. | TPM (t)     |
| 6   | P5 b1-5 | Di hari dan saat yang berbahagia ini beta zahirkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala, yang telah mengizinkan dan merestui untuk beta hadir merasmikan Pembukaan Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Kelantan Yang Kedua Belas Tahun Dua Ribu Dua Belas.  | TPP (gm)    |
|     |         | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>  |             |
| 7   | P6 b1-2 | Dunia kini berhadapan dengan pelbagai bencana dan mala petaka.   | TPM (t-pk)  |
| 8   | P6 b2-4 | Namun begitu beta bersyukur kerana negeri kita terselamat daripada bencana mala petaka besar dan berada dalam keadaan aman tenteram.   | TPP (gm-ks) |
| 9   | P6 b4-6 | Sehubungan dengan itu, marilah kita sentiasa   | TD (s)      |

|    |          |   |          |
|----|----------|---|----------|
|    |          | berdoa semoga negeri kita diberkati dan dilindungi dari apa jua mala petaka.  |          |
| 10 | P6 b6-9  | Sewajarnya, kita mengambil iktibar dan pengajaran dari apa-apa yang berlaku di negara-negara lain yang terdedah kepada kekacauan, permusuhan dan perperangan yang tidak ada penghujungnya.                                  | TD (s)   |
| 11 | P7 b1-3  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br><br>Sebagaimana kita sedia maklum bahawa prestasi ekonomi sesebuah negeri atau negara adalah diukur melalui keluaran dalam negara kasar.                                       | TPN (ku) |
| 12 | P7 b3-7  | Beta mendapat maklum bahawa purata pertumbuhan keluaran dalam negara kasar negeri Kelantan bagi tahun dua ribu lapan hingga dua ribu sepuluh adalah ketiga tertinggi selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. | TPM (l)  |
| 13 | P7 b7-10 | Beta berharap pertumbuhan sebegini perlu dikekalkan dan dipertingkatkan dengan mengambil langkah-langkah strategik yang boleh diambil dalam sektor-sektor yang ada.   | TPP (h)  |
| 14 | P8 b1-2  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br><br>Sektor pertanian merupakan sektor kedua terpenting dalam menjana ekonomi negeri Kelantan.  | TPN (ku) |
| 15 | P8 b2-5  | Pada tahun dua ribu sepuluh pertanian menyumbang sebanyak sembilan belas perpuluhan empat peratus untuk keluaran dalam negara kasar bagi negeri Kelantan.   | TPM (l)  |
| 16 | P9 b1-4  | Harapan beta supaya pengeluaran produk pertanian utama dapat ditingkatkan lagi pada tahun ini agar dapat memenuhi permintaan rakyat di negeri ini dan juga keperluan untuk dieksport.                                       | TPP (h)  |
| 17 | P9 b4-6  | Ini sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan  | TPN (tj) |

|   |           |  |           |
|---|-----------|--|-----------|
|   |           | negara menjelang tahun dua ribu lima belas.  |           |
| 18  | P9 b6-11  | Dalam masa yang sama “Bertani Satu Ibadah” bukan sahaja diketahui tetapi dihayati dan diterapkan secara serius dalam semua aspek pertanian, perikanan dan penternakan oleh semua agensi dan pihak yang terlibat supaya terus menjadi pemangkin kecemerlangan pertanian di negeri ini.  | TPM (t-t) |
| 19  | P9 b11-13 | Tanah-tanah yang tidak diusahakan, yang masih terbiar, sepatutnya sudah dicari pendekatan yang positif.  | TPP (h)   |
| 20  | P9 b13-19 | Perkembangan sains dan teknologi terkini terutama sekali dalam bidang bioteknologi yang sedang diterokai oleh kerajaan negeri pada masa ini diharap dapat meningkatkan hasil dan menambah mutu dan kualiti pengeluaran dan secara langsung dapat menambah nilai hasil tersebut dan memberikan pendapatan yang lebih kepada petani penternakan dan nelayan. | TPP (h)   |
| 21  | P10 b1-3  | Kesedaran yang timbul dari pendekatan yang ilmiah ini juga perlu untuk menggalakkan pertanian dan penternakan secara organik.  | TD (s)    |
| 22  | P10 b3-6  | Beta mengambil kesempatan ini untuk menyeru supaya kesedaran bertapa perlunya pertanian dan penternakan yang diusahakan secara organik ini diwar-warkan dengan lebih meluas.   | TPT       |
| <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b> |           |  |           |
| 23  | P11 b1-2  | Sektor perkhidmatan terus kekal memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri.   | TPK (m)   |
| 24  | P11 b2-6  | Pada tahun dua ribu sembilan, sumbangan sektor ini adalah sebanyak tujuh perpuluhan satu dua bilion ringgit dan meningkat pada tahun dua ribu sepuluh kepada tujuh perpuluhan tiga lapan billion ringgit.  | TPM (l)   |
| 25  | P11 b6-10 | Sumbangan sektor perkhidmatan ini diunjurkan terus meningkat kepada tujuh perpuluhan sembilan hingga lapan billion ringgit pada tahun dua ribu sebelas dan lapan perpuluhan dua bilion ringgit pada tahun dua ribu dua belas.  | TPM (l)   |

|   |           |  |          |
|---|-----------|--|----------|
| 26  | P12 b1-2  | Subsektor pelancongan adalah penyumbang utama dalam sektor perkhidmatan.   | TPN (ku) |
| 27  | P12 b2-4  | Pelancongan merupakan satu industri yang berdaya saing dan memberikan kesan positif kepada kemajuan ekonomi negeri.  | TPN (ku) |
| 28  | P12 b4-8  | Kerajaan negeri akan meneruskan strategi untuk menggalakkan kemasukan pelancong ke negeri ini lebih-lebih lagi sempena tahun melawat Kelantan dua ribu dua belas ini yang telah mensasarkan kedatangan enam juta orang pelancong.                              | TPN (tj) |
| 29  | P13 b1-3  | Beta dimaklumkan bahawa pelbagai program pelancongan telah dirancang sepanjang tahun sempena tahun melawat Kelantan dua ribu dua belas ini.  | TPK (s)  |
| 30  | P13 b3-5  | Pusat penerangan pelancongan negeri juga hendaklah meneruskan promosi pelancongan dalam dan luar negeri.   | TD (s)   |
| 31  | P13 b5-7  | Komitmen pelbagai agensi kerajaan terutamanya pihak berkuasa tempatan amat diperlukan bagi mencapai sasaran kejayaan program pelancongan ini.  | TD (s)   |
| 32  | P13 b7-9  | Antara peranan penting yang boleh dimainkan oleh pihak berkuasa tempatan ialah mewujudkan persekitaran yang bersih dan indah.  | TPN (ku) |
| 33  | P13 b9-11 | Beta menyeru agar kebersihan bandar sentiasa ditingkatkan dan diberi keutamaan.  | TPT      |
| <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b> |           |  |          |
| 34  | P14 b1-5  | Sebagai agensi berorientasikan pelanggan, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberikan tumpuan khusus kepada penyampaian perkhidmatan yang cekap bagi mempastikan proses pembangunan dapat dijalankan dengan sempurna dalam kawasan pentadbiran masing-masing. | TD (s)   |
| 35  | P14 b5-7  | Beta menyeru supaya pihak berkuasa tempatan mengadakan usaha dalam meningkatkan hasil  | TPT      |

|    |           |   |           |
|----|-----------|---|-----------|
|    |           | dan seterusnya mampu berdikari.   |           |
| 36 | P15 b1-3  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br>Beta dimaklumkan bahawa projek menaiktaraf kawasan perindustrian sedia ada di jajahan Tanah Merah dan Kuala Krai telah hampir siap dilaksanakan.   | TPK (s)   |
| 37 | P15 b3-5  | Beta berharap taman perindustrian makanan halal di Mukim Apam, Pasir Mas yang sedang giat dibangunkan dapat disiapkan mengikut jadual.  | TPP (h)   |
| 38 | P16 b1-5  | Beta difahamkan bahawa kawasan di Mukim Kota, Mukim Padang Enggang dan Mukim Tiong seluas dua ratus enam puluh enam ekar telah dikenalpasti untuk pembangunan Bandar usahawan industri kecil dan sederhana kini dalam proses pengambilan balik tanah.   | TPK (s)   |
| 39 | P16 b5-7  | Semoga usaha ini menjadi realiti bagi meningkatkan perkembangan dalam industri kecil dan sederhana di Kelantan.   | TPP (h)   |
| 40 | P17 b1-5  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br>Kerajaan beta akan terus mempertingkatkan penyediaan infrastruktur dan utiliti awam dari segi kualiti perkhidmatan dan liputan merangkumi bekalan air bekalan elektrik perkhidmatan telekomunikasi pembentungan pengurusan sisa pepejal serta pengairan dan saliran. | TPM (t)   |
| 41 | P17 b5-9  | Beta mendapat maklum bahawa pada tahun ini kerajaan negeri telah memperuntukkan lima perpuluhan lapan empat juta ringgit bagi kerja-kerja pembangunan sistem pengairan dan saliran di seluruh negeri Kelantan.  | TPK (s)   |
| 42 | P17 b9-12 | Manakala empat belas juta ringgit telah diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan untuk melaksanakan lima buah projek menstabil tebing sungai golok di jajahan Tanah Merah, Pasir Mas dan Tumpat.   | TPM (t-t) |

|    |            |   |            |
|----|------------|---|------------|
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |            |
| 43 | P18 b1-4   | Beta mendapat maklum bahawa jumlah penduduk yang menerima bekalan air bersih di negeri Kelantan telah bertambah hampir tujuh peratus pada tahun dua ribu sebelas berbanding tahun sebelumnya.   | TPK (s)    |
| 44 | P18 b4-9   | Beta juga difahamkan bahawa pelaksanaan projek-projek oleh air Kelantan sendirian berhad melibatkan kerja-kerja menaiktaraf sebelas buah loji rawatan air dan pemasangan paip utama sepanjang lima ratus lima puluh kilometer dijangka siap pada akhir tahun ini. | TPM (t)    |
| 45 | P18 b9-11  | Projek ini dijangka meningkatkan pengeluaran air terawat sebanyak dua puluh lima peratus menjadikan pengeluaran lima ratus lima puluh juta liter sehari.  | TPK (m)    |
| 46 | P18 b11-14 | Dalam masa yang sama peningkatan kualiti akan bertambah, begitu juga liputan bekalan air terawat menjadi enam puluh empat peratus bagi seluruh negeri Kelantan.   | TPM (t-km) |
| 47 | P19 b1-5   | Beta berharap agar kerajaan negeri akan terus member perhatian terhadap usaha membangunkan strategi jangka panjang bagi pengurusan sumber air di negeri ini untuk memastikan bekalan air yang terjamin kepad rakyat negeri Kelantan.                              | TPP (h)    |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |            |
| 48 | P20 b1-4   | Beta difahamkan bahawa pergerakan penumpang pada tahun dua ribu sebelas di lapangan terbang Sultan Ismail Petra telah meningkat kepada kira-kira satu perpuluhan satu tiga juta penumpang.  | TPM (l)    |
| 49 | P20 b4-5   | Jumlah pergerakan penumpang ini adalah yang tertinggi di antara lapangan terbang di pantai timur.   | TPN (ku)   |
| 50 | P20 b6-7   | Jumlah ini melibatkan penerbangan tiba dan berlepas secara puratanya adalah sebanyak empat puluh kali sehari.   | TPN (ku)   |
| 51 | P20 b7-9   | Beta juga dimaklumkan bahawa projek   | TPM (l)    |

|    |           |   |          |
|----|-----------|---|----------|
|    |           | pemanjangan landasan telah siap sepenuhnya pada tahun dua ribu sebelas.   |          |
| 52 | P20 b9-12 | Beta sekali lagi berharap lapangan terbang ini dapat dinaiktaraf kepada sebuah lapangan terbang antarabangsa dalam masa terdekat.   | TPP (h)  |
| 53 | P21 b1-4  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br>Bagi mengelakkan peningkatan kes kemalangan jalan raya beta menyambut baik cadangan kerajaan negeri untuk mewujudkan lorong memotong di jalan Kota Bharu- Kuala Krai.  | TPN (tj) |
| 54 | P21 b4-6  | Kerajaan negeri juga telah memperuntukkan sejumlah dua puluh juta ringgit khusus untuk membina dan menaiktaraf jalan-jalan kampung pada tahun ini.  | TPM (t)  |
| 55 | P22 b1-3  | Pembinaan jalan raya bertingkat merentasi laluan rel keretapi di Pasir Mas bagi fasa kedua dijangka siap pada suku ketiga tahun ini.  | TPK (m)  |
| 56 | P22 b3-4  | Ia diharap dapat mengurangkan kadar kesesakan jalan ke bandar Pasir Mas.  | TPP (h)  |
| 57 | P22 b4-8  | Beta mencadangkan supaya pihak kerajaan negeri dapat mengambil inisiatif yang sama iaitu membina jalan raya bertingkat merentasi laluan rel keretapi di Bandar Tanah Merah bagi merentasi kesesakan lalu lintas.  | TD (n)   |
| 58 | P23 b1-7  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br>Beta difahamkan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh yang bermula dari dua ribu sebelas hingga dua ribu lima belas menggunakan pendekatan format pelan pusingan (rolling plan) yang telah dimulakan sejak tahun dua ribu sebelas akan memfokuskan pembangunan kepada tempoh dua tahun berdasarkan keupayaan kewangan semasa kerajaan persekutuan. | TPM (l)  |
| 59 | P23 b7-9  | Beta berharap projek-projek yang telah dirancang untuk negeri Kelantan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh dapat dilaksanakan sepenuhnya.  | TPP (h)  |

|    |           |   |          |
|----|-----------|---|----------|
|    |           |   |          |
| 60 | P24 b1-5  | <p><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b></p> <p>Beta mendapat maklum bahawa pada tahun dua ribu sebelas negeri Kelantan telah menerima pelaburan hampir satu perpuluhan empat bilion ringgit meliputi bidang harta tanah, pertanian, pembuatan dan bidang tenaga yang boleh diperbaharui.</p>   | TPM (l)  |
| 61 | P25 b1-8  | <p>Beta berharap kemasukan pelaburan yang akan diterima oleh Kelantan pada dua ribu dua belas akan meningkat dengan adanya kemudahan pengkalan bekalan di Tok Bali yang akan siap pembinaanya tahun ini, pembangunan Bandar Baru Tunjong yang semakin rancak di samping kesan berganda (multiplier effects) yang akan dapat dinikmati oleh rakyat negeri Kelantan hasil dari projek-projek yang telah diluluskan tahun lepas.</p> | TPP (h)  |
| 62 | P26 b1-3  | <p><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b></p> <p>Beta mendapat maklumat bahawa gas asli yang terletak di telaga bumi selatan dan telaga surya selatan (Blok PM tiga kosong satu – malay basin) sudah mula dikeluarkan.</p>   | TPK (s)  |
| 63 | P26 b3-7  | <p>Beta berharap gas ini dapat didaratkan di negeri ini kerana negeri Kelantan telah menyediakan satu zon industri petroleum di Bachok seluas empat ribu ekar sejak dari tahun sembilan puluhan lagi.</p>   | TPP (h)  |
| 64 | P27 b1-3  | <p><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b></p> <p>Beta berasa amat sukacita dengan penglibatan pelbagai agensi yang telah bekerjasama untuk meningkatkan lagi taraf hidup wanita dan memelihara institusi kekeluargaan.</p>   | TPP (gm) |
| 65 | P27 b4-6  | <p>Beta berharap kerjasama ini dapat diteruskan lagi dengan pelaksanaan program-program yang bermanfaat kepada rakyat negeri ini khususnya golongan sasaran berkenaan.</p>  | TPP (h)  |
| 66 | P27 b7-10 | <p>Beta percaya bahawa setiap rakyat hendaklah</p>  | TKP      |

|    |            |   |             |
|----|------------|---|-------------|
|    |            | mempunyai tanggungjawab sosial sebagai anggota masyarakat yang baik dan perihatin dengan penghayatan nilai-nilai hidup mulia dan berfaedah kepada agama, bangsa dan tanah air.                                    |             |
| 67 | P28 b1-2   | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br><br>Beta berasa bangga dengan peningkatan kecemerlangan beberapa bidang sukan di negeri ini.   | TPP (gm-pj) |
| 68 | P28 b2-5   | Akademi Bola Sepak Melayu Kelantan telah mula melahirkan bakat-bakat baru yang diharapkan dapat mengisi pasukan utama dalam masa beberapa tahun lagi.   | TPP (h)     |
| 69 | P28 b5-8   | Manakala sukan ragbi, squash, bola jarring dan silat, negeri juga telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam beberapa tahun ini sama ada di kejohanan kebangsaan maupun peringkat antarabangsa.       | TPM (t-t)   |
| 70 | P28 b9-12  | Sehubungan dengan itu badan-badan pengurusan sukan di negeri ini seperti Majlis Sukan Negeri perlu lebih telus dan profesional bagi membolehkan penglibatan semua pihak di dalam pembangunan sukan di negeri ini. | TPM (t-pk)  |
| 71 | P28 b12-14 | Kepimpinan kini telah berjaya menerapkan nilai-nilai tarbiyah dan disiplin dalam membentuk imej pemain dan penonton sukan di negeri ini.  | TPM (t)     |
| 72 | P28 b15-16 | Beta berharap imej sebegini dapat ditonjolkan diperingkat dalam dan luar negeri.  | TPP (h)     |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 73 | P29 b1     | Pendidikan merupakan asas penting dalam kehidupan manusia.  | TPN (ku)    |
| 74 | P29 b2-4   | Usaha kerajaan beta bagi memastikan pembangunan modal insan berkualiti dapat dilihat dengan kewujudan beberapa institusi pendidikan awam dan swasta di negeri ini.  | TPN (tj)    |
| 75 | P29 b4-8   | Beta difahamkan bahawa bagi tahun dua ribu sebelas keputusan peperiksaan bagi negeri  | TPM (l)     |

|    |             |   |          |
|----|-------------|---|----------|
|    |             | Kelantan yang telah diumumkan telah mencatatkan peningkatan prestasi berbanding tahun sebelumnya.   |          |
| 76 | P30 b1-5    | Beta berharap penilaian pencapaian mutu pendidikan bukan sahaja berdasar kepada keputusan peperiksaan, tetapi para meter penghayatan, pengamalan ilmu itu dapat diterjemahkan dalam kehidupan terutama dari segi penghayatan akhlak yang mulia.   | TPP (h)  |
| 77 | P31 b1-3    | Bagi mengambil kesempatan ini, beta menyeru agar pihak pentadbiran Yayasan Islam, memberi fokus kepada kebajikan para pelajar dan guru-guru.  | TPT      |
| 78 | P31 b3-4    | Beta difahamkan kedudukan fizikal sekolah masih banyak yang perlu dipertingkatkan.  | TD (s)   |
| 79 | P31 b5-7    | Kebajikan guru-guru masih ramai yang belum dapat menikmati pembayaran elauan yang berpadanan dengan sumbangan dan pengorbanan mereka.   | TPM (t)  |
|    |             | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |          |
| 80 | P32 b1-2    | Beta dimaklumkan bahawa bajet negeri Kelantan bagi tahun dua ribu dua belas merupakan belanjawan defisit.   | TPK (s)  |
| 81 | P32 b2-7    | Namun begitu bajet tahun ini dijangka dapat mengulangi rekod pada tahun dua ribu sepuluh di mana defisit sebenar jauh berkurangan iaitu sebanyak tiga perpuluhan empat juta ringgit sahaja berbanding anggaran defisit di dalam bajet sebanyak lapan puluh juta ringgit.  | TPT/A    |
| 82 | P32 b7-10   | Bagi tahun berakhir dua ribu sebelas kewangan kerajaan negeri Kelantan telah berjaya mencatat lebihan atas pendapatan iaitu surplus sebanyak tiga perpuluhan satu tiga juta ringgit.  | TPM (l)  |
| 83 | P32 b10-170 | Antara faktor pencapaian surplus tersebut adalah catatan kutipan hasil sebenar yang telah berjaya dipungut pada tahun dua ribu sebelas adalah sebanyak empat ratus dua puluh tujuh perpuluhan empat lapan juta ringgit iaitu peningkatan sebanyak empat puluh tujuh perpuluhan lapan empat juta ringgit bersamaan | TPN (ku) |

|    |           |   |             |
|----|-----------|---|-------------|
|    |           |   |             |
| 84 | P33 b1-3  | tiga belas peratus berbanding kutipan hasil sebenar dipungut pada tahun dua ribu sepuluh.   |             |
| 85 | P33 b3-6  | Beta juga difahamkan bahawa selaras dengan tema bajet tahun dua ribu dua belas iaitu “Kesejahteraan Bersamaan Keberkatan”, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan hasil dengan memberi tawaran pengurangan tunggakan denda sembilan puluh peratus ke atas cukai tanah tertunggak bagi tahun dua ribu dua belas. | TPK (s)     |
| 86 | P33 b7-9  | Melalui tawaran ini, disasarkan pungutan cukai tanah tertunggak pada tahun ini dapat dipungut sehingga lapan puluh peratus.   | TPM (t-pk)  |
| 87 | P33 b9-11 | Satu strategi yang lebih berkesan perlu dibuat untuk mempastikan pungutan cukai tanah atau lain-lain dapat dicapai.   | TD (s)      |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 88 | P34 b1-3  | Beta berbangga mendapat maklum bahawa pentadbiran kerajaan negeri sentiasa peka dan berusaha kearah meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.   | TPP (gm-pj) |
| 89 | P34 b3-8  | Difahamkan bahawa pada tahun ini pentadbiran kerajaan negeri akan menumpukan perhatian kepada program “housekeeping” yang memfokuskan kepada aspek pengemaskinian, semakan terkini dan secara berkala serta kesempurnaan kerja semasa dan tertunggak.   | TPK (s)     |
|    |           | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b>   |             |
| 90 | P35 b1-2  | Memang benar Islam adalah agama rahmat kepada seluruh manusia.  | TPN (ku)    |
| 91 | P35 b2-3  | Dasar-dasar pemerintahan Islam tidak menolak kepentingan penganut agama lain.   | TPF         |
| 92 | P35 b3-4  | Namun perkembangan mutakhir, membimbangkan beta.  | TPP (k/s)   |
| 93 | P35 b4-5  | Keharmonian dikalangan penganut agama yang berbeza semacam sedikit tercalar.  | TPN (pj)    |

|    |           |  |             |
|----|-----------|--|-------------|
| 94 | P35 b6-7  | Ini berlaku kerana ada pihak-pihak yang berkepentingan menangguk di air keruh.   | TPD         |
| 95 | P36 b1-9  | Beta ingin mengingatkan kepada semua pihak sama ada dikalangan umat Islam atau kalangan bukan Islam, dalam sebuah negara seperti Malaysia yang penduduknya berbilang kaum, berbilang anutan agama, polimik tentang agama harus diurus dengan cermat dan berhemah bijaksana kerana isu-isu berkaitan agama mampu membakar perasaan semua pihak menyuarakan pendapat yang boleh membakar perasaan pengikut agama lain akan mengundang perpecahan, perbalahan, perusuhan malah peperangan.  | TD (s)      |
| 96 | P37 b1-4  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br><br>Akhirnya beta akhiri titah ucapan ini dengan memohon doa restu Ilahi, agar kita semua, bersama seluruh rakyat beta, sentiasa di bawah naungan pemeliharaan dan barakah Allah yang berpanjangan.   | TKS         |
| 97 | P38 b1-11 | Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat, para pegawai, kakitangan di semua peringkat jentera kerajaan negeri dan persekutuan, para pasukan keselamatan dan keamanan, badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, badan sukarela dan badan bukan kerajaan sehingga keseluruh lapisan rakyat jelata, yang sama-sama berganding tenaga dan fikiran demi menjaga serta membangun dan memelihara keharmonian, menjunjung hukum syariat memelihara budaya dan adat susila warisan bangsa di bawah tunjuk ajar ulamak pewaris nabi. | TPP (gm-pj) |
| 98 | P39 b1-5  | Kepada Allah jua kita panjatkan doa dan harapan, agar segala perancangan serta pengurusan negeri, sentiasa tepat dan teratur bagi menjaga maslahah rakyat, dengan lindungan barakah, bersama inayah, keredhaan, taufiq dan hidayah Allah sepanjang masa.   | TPP (h)     |
| 99 | P40 b1-4  | Maka pada hari yang bersejarah ini, beta dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Penggal   | TPP (gm)    |

|     |          |   |     |
|-----|----------|---|-----|
| 100 | P41 b1-2 | <p>Kelima Dewan Negeri Kelantan Kedua Belas Tahun Dua Ribu Dua Belas dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”.</p> <p>Amin Ya Rabbal’alamin.</p> <p>Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahita’ala wabarakatuh.</p> | TKS |
|-----|----------|---|-----|



**Teks 4: Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Ketiga Belas Tahun 2014.**

| <b>Bil</b> | <b>Lokasi</b> | <b>Ayat</b>   | <b>Teknik</b> |
|------------|---------------|---|---------------|
| 1          | P1 b1-2       | Assalamu'alaikum<br>Wabarakatuh.<br>Bismillahir Rahmanir Rahim.   | TKS           |
| 2          | P2 b1-2       | Segala puji milik kepunyaan Allah, yang sentiasa Terpuji dalam segala keadaan, bersifat mulia dan sempurna.   | TKS           |
| 3          | P2 b2-3       | Dia Pemilik segala yang ada dilangit dan bumi.  | TPN (pj)      |
| 4          | P3 b1-4       | Semoga Allah melimpahkan selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, pembawa rahmat keseluruh alam, menyampaikan berita gembira dan ancaman.   | TPP (h)       |
| 5          | P3 b4-7       | Semoga dicucuri salam sejahtera kepada keluarga baginda dan para sahabatnya yang mulia serta orang-orang mengikuti jejak langkah mereka sampai hari qiamat.   | TPP (h)       |
| 6          | P4 b1-5       | Beta merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke Hadrat Allah Subhanahuwataala diatas limpah kurnianya dan izin restunya, beta dapat bersama-sama berada dalam dewan yang mulia ini bersempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Ketiga Belas.              | TPP (gm-ks)   |
| 7          | P5 b1-5       | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,</b><br><br>Beta ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di atas sumbangan dan kejayaan meneruskan pentadbiran negeri dengan agenda dan mesej membangun bersama Islam. | TPP (gm-pj)   |
| 8          | P5 b5-7       | Pelbagai pihak sentiasa menunggu, memerhati dan memantau setiap patah tutur kata, ucapan dan setiap langkah dan tindakan yang diambil.  | TPM (t)       |
| 9          | P5 b7-11      | Kepada para Anggota Perkhidmatan Awam Negeri, beta berharap agar sentiasa beriltizam memberi perkhidmatan cemerlang berteraskan prinsip ubudiyah, mas'uliyyah dan itqan dalam   | TPP (h)       |

|    |          |  |             |
|----|----------|--|-------------|
|    |          | memenuhi inspirasi kerajaan dan rakyat.  |             |
| 10 | P6 b1-4  | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b><br>Menyedari realiti ekonomi global yang berdepan dengan cabaran yang tidak menentu dan lemah, maka salah satu daripada kesannya, kos sara hidup telah meningkat dengan ketara. | (TPM (t-pk) |
| 11 | P6 b4-7  | Justeru beta menyarankan agar kerajaan negeri dan persekutuan perlu mengambil inisiatif sewajarnya dalam menangani dan mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh rakyat.   | TPT         |
| 12 | P6 b7    | Semua pihak perlu berhemat dalam berbelanja.   | TD (s)      |
| 13 | P6 b8-10 | Rakyat perlu merancang menggunakan kemudahan sedia ada dengan sebaiknya dan pihak kerajaan perlu mengurus tadbir kewangan secara telus dan bijaksana.  | TD (s)      |
|    |          | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b>   |             |
| 14 | P7 b1-3  | Beta berharap agar semua agensi kerajaan proaktif memberi tumpuan dalam usaha untuk mengoptimumkan kutipan hasil daripada pelbagai sumber utama negeri.  | TPP (h)     |
| 15 | P7 b3-6  | Sejajar dengan itu, aspek sistem penyampaian hendaklah diperkasakan dan penguatkuasaan dipertingkatkan agar prestasi kewangan kerajaan negeri bertambah baik.  | TD (s)      |
| 16 | P8 b1-3  | Beta juga berharap senarai keutamaan diberikan kepada pembangunan Bandar-bandar baharu seperti Tok Bali, Sungai Terah dan Lojing.  | TPP (h)     |
| 17 | P8 b3-4  | Sokongan serta kerjasama dari semua agensi kerajaan negeri dan persekutuan sangat diperlukan.  | TPM (t)     |
| 18 | P8 b5-6  | Beta yakin dan percaya kejayaan dalam pembangunan ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini.  | TKP         |
| 19 | P9 b1-3  | Sektor swasta juga tidak ketinggalan telah memberi sumbangan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini.   | TPM (t)     |

|    |            |  |           |
|----|------------|--|-----------|
| 20 | P9 b3-6    | Jumlah pelaburan bagi tahun dua ribu tiga belas yang diluluskan adalah melebihi empat bilion ringgit, meningkat sebanyak lebih dari satu bilion ringgit berbanding dengan pencapaian pada tahun dua ribu dua belas.                  | TPM (l)   |
| 21 | P9 b6-9    | Beta berharap semua projek pelaburan yang diluluskan segera dilaksanakan bagi menjana ekonomi negeri Kelantan dan memberikan lebih peluang pekerjaan kepada rakyat.  | TPP (h)   |
| 22 | P9 b10-11  | Disamping itu, usaha-usaha lebih serius perlu dilakukan bagi menarik para pelabur dalam dan luar negara.   | TPM (t-t) |
| 23 | P10 b1-4   | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b><br>Beta menggesa agar pihak berkuasa tempatan dapat membuat penambahan kepada perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam untuk mewujudkan persekitaran bersih dan menarik. | TPT       |
| 24 | P10 b4-6   | Kesedaran, kerjasama dan penglibatan semua pihak sangat diperlukan dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan persekitaran.   | TD (s)    |
| 25 | P11 b1-3   | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b><br>Beta mendapat maklum bahawa Program Bertani Satu Ibadah telah memberi impak yang positif kepada sektor pertanian negeri.   | TPK (s)   |
| 26 | P11 b3-6   | Justeru, beta berharap penerapan kefahaman konsep Bertani Satu Ibadah di kalangan para petani ini terus diberi penekanan dan didokong secara serius oleh agensi-agensi terbabit.   | TPP (h)   |
| 27 | P11 b6-9   | Usaha kerajaan bagi menarik para ahli akademik dan cendekiawan untuk berperanan dalam sektor pertanian di negeri ini adalah satu usaha yang tepat bagi melahirkan usahawan tani yang kreatif dan berdaya saing.                      | TPN (ku)  |
| 28 | P11 b10-13 | Usaha bersepadu perlu digerakkan bagi mengoptimumkan aktiviti pertanian mesra alam seperti pertanian organik, pembangunan teknologi hijau dan industri ternakan bagi meningkatkan pendapatan rakyat.                                 | TD (s)    |

|    |            |   |             |
|----|------------|---|-------------|
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b>  |             |
| 29 | P12 b1-4   | Beta difahamkan bahawa negeri Kelantan telah diberikan siling peruntukan sebanyak satu perpuluhan tujuh billion ringgit bagi pelaksanaan pelbagai projek di bawah <i>rolling plan</i> ketiga Rancangan Malaysia Kesepuluh.          | TPK (s)     |
| 30 | P12 b4-5   | Beta berharap supaya projek-projek berkenaan disiapkan mengikut jadual.   | TPP (h)     |
| 31 | P12 b6-7   | Projek-projek lain yang telah lama dirancang seperti projek lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai,   | TPM (c)     |
| 32 | P12 b7-11  | wajarlah semua pihak memperlihatkan keikhlasan serta rasa tanggungjawab bersama untuk menyelesaikan projek tersebut kerana beta tidak mahu isu ini terus dijadikan bahan percaturan, yang menanggung beban kesusahan adalah rakyat. | TD (s)      |
| 33 | P12 b11-14 | Beginu juga dengan projek jalan persisiran pantai dan projek-projek infrastruktur yang lain dapat dilaksanakan dengan segera.   | TPM (t)     |
| 34 | P12 b14-17 | Beta juga berharap kerajaan persekutuan akan mempercepatkan pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir lembangan sungai Golok untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku.  | TPP (h)     |
| 35 | P12 b17-18 | Ketepikan kepentingan lain dan utamakan kepentingan rakyat.   | TPM (t)     |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b>  |             |
| 36 | P13 b1-4   | Beta menyarankan supaya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan meningkatkan jalinan kerjasama strategik bagi memenuhi keperluan rakyat seperti penyediaan rumah mampu milik selaras dengan konsep “Satu Keluarga Satu Rumah”.     | TPT         |
| 37 | P13 b5-6   | Beginu juga dengan tanggungjawab untuk membekalkan air terawat secara menyeluruh.   | TPM (t)     |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b>  |             |
| 38 | P14 b1-4   | Beta mengucapkan tahniah di atas peningkatan dan pencapaian cemerlang pelajar-pelajar   | TPP (gm-pj) |

|    |            |  |            |
|----|------------|--|------------|
|    |            |  |            |
| 39 | P14 b4-7   | Kelantan khususnya pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan di dalam peperiksaan baru-baru ini.  | TPP (h)    |
| 40 | P14 b7-11  | Beta berharap kerajaan terus berusaha meningkatkan taraf sistem Pendidikan Islam negeri ini serta meluaskan peluang pelajar melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.  | TPN (tj)   |
| 41 | P14 b11-12 | Untuk memberi peluang belajar yang lebih luas kepada para pelajar lepasan aliran agama, sudah tiba masanya diwujudkan universiti berkembar atau berkonsep seumpamanya di negeri ini.   | TD (s)     |
| 42 | P15 b1-4   | Usaha yang serius dan lebih bermakna perlu dilakukan.<br><br><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b><br><br>Sempena tahun melawat Malaysia dua ribu empat belas beta berharap Kerajaan Persekutuan akan terus membantu negeri Kelantan dalam merancakkan promosi industri pelancongan di peringkat domestik dan antarabangsa. | TPP (h)    |
| 43 | P15 b4-7   | Pada masa yang sama, kerajaan negeri hendaklah memberi tumpuan kepada pengekalan budaya warisan dan sumber alam semulajadi sebagai produk utama pelancongan negeri Kelantan.<br><br><b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b>   | TPM (t-km) |
| 44 | P16 b1-3   | Beta gembira dengan program dan aktiviti pembangunan Islam dan dakwah kepada masyarakat terus menjadi agenda utama kerajaan negeri.  | TPP (gm)   |
| 45 | P16 b3-7   | Beta berharap agar penambahbaikan kepada gerakan amar makruf nahi mungkar dapat dilaksanakan, terutama melalui penguatkuasaan undang-undang oleh semua pihak yang berkaitan.   | TPP (h)    |
| 46 | P16 b7-9   | Dalam era teknologi internet dan pelbagai media lagi, pembangunan dakwah perlu bangun menguasai dan memanfaatkan teknologi itu.  | TD (s)     |
| 47 | P16 b9-11  | Beta sangat kecewa dan dukacita apabila  | TPP (c)    |

|    |            |   |           |
|----|------------|---|-----------|
|    |            | teknologi internet disalahgunakan, terdapat isu-isu dikelirukan fakta.  |           |
| 48 | P16 b11-14 | Media baharu digunakan untuk menyebar fitnah, mencetus kebencian, menyentuh sensitiviti antara agama, malah digunakan untuk memusnahkan keamanan dan keselamatan.   | TPM (t-t) |
| 49 | P16 b15-17 | Beta mengingatkan semua pihak kiranya keamanan dan keselamatan yang dinikmati sekarang ini musnah, maka tiada siapa yang untung, malah semua akan rugi menderita.   | TD (n)    |
| 50 | P16 b18-22 | Kepada rakyat beta yang berbilang kaum dan yang menganut pelbagai agama teruslah hidup dalam suasana harmoni, bertoleransi dalam melaksanakan ajaran agama masing-masing tanpa menyentuh sensitiviti agama dan tanpa mencampuri urusan dan amalan agama lain. | TD (s)    |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b>  |           |
| 51 | P17 b1-3   | Beta berasa gembira kerana kerajaan negeri turut memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan terutamanya golongan belia dan wanita.  | TPP (gm)  |
| 52 | P17 b3-6   | Beta difahamkan satu Pusat Latihan Belia sedang dirancang pembinaannya di Pengkalan Chepa untuk memberi kemudahan latihan dalam pelbagai bidang.  | TPK (s)   |
| 53 | P18 b1-5   | Kerajaan negeri giat mengarusperdanakan dasar keluarga mawaddah untuk memantapkan institusi keluarga dan memperkenalkan dasar penempatan mesra keluarga serta cuti ihdad tiga puluh hari kepada kakitangan wanita yang kematian suami.                        | TPN (tj)  |
| 54 | P18 b5-8   | Selain daripada itu, Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA) telah ditubuhkan bagi menggerakkan agenda berkebajikan kearah kesejahteraan rakyat.   | TPM (t-t) |
|    |            | <b>Ahli-ahli Yang Berhormat Sekallian,</b>  |           |
| 55 | P19 b1-5   | Mengakhiri titah ucapan beta, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Ilahi, agar kita semua berada dibawah lindungan keamanan dan kebahagiaan yang berpanjang dengan   | TD (s)    |

|    |          |  |            |
|----|----------|--|------------|
|    |          | pemerintah dan pentadbiran yang menjunjung kesucian Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu'alaahi Wasallam.                                       |            |
| 56 | P20 b1-3 | Dengan lafaz Bismillahir Raahmanir Rahim beta merasmikan Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Ketiga Belas Tahun Dua Ribu Empat Belas. | TPM (t-pk) |
| 57 | P21 b1-2 | Wabillahi Taufiq Wal Hidayah<br>Wassalamualaikum Warahmatullahi<br>Wabarakatuh.  | TKS        |